


# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI

## PAHANG

### TAHUN 2022

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI

# PAHANG

## TAHUN 2022

ISSN 2811-4078

9 7 7 2 8 1 1 4 0 7 0 0 2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: https://www.audit.gov.my
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2023

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2023

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

# KANDUNGAN

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| **PENDAHULUAN** | 3 |
| **RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK** | 7 |
| **PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN** | 9 |
| **BAHAGIAN I<br>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022** | |
| Ringkasan Eksekutif | 15 |
| Pendahuluan | 17 |
| Objektif dan Metodologi Pengauditan | 18 |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 | 19 |
| **BAHAGIAN II<br>ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG** | |
| Ringkasan Eksekutif | 23 |
| Latar Belakang | 25 |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri | 25 |
| Penyata Prestasi Kewangan | 26 |
| Kumpulan Wang Disatukan | 27 |
| Wang Awam | 28 |
| Akaun Hasil Disatukan | 31 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 38 |
| Akaun Amanah Disatukan | 38 |
| Penyata Akaun Memorandum | 49 |
| Nota Kepada Penyata Kewangan | 53 |
| Rumusan Audit | 58 |
| Syor Audit | 58 |
| **BAHAGIAN III<br>PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PAHANG** | |
| Ringkasan Eksekutif | 61 |
| Pendahuluan | 63 |
| Pengauditan Penyata Kewangan | 63 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 64 |
| Pemakaian Piawaian Perakaunan | 65 |
| Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan | 66 |
| Pembentangan Penyata Kewangan | 73 |
| Rumusan Audit | 74 |
| Syor Audit | 74 |

**BAHAGIAN IV**
**PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PAHANG**


Ringkasan Eksekutif 77
Pengenalan 79

Majlis Perbandaran Temerloh 83
- Kutipan Hasil Sewaan


**BAHAGIAN V**
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG**


Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri 93
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri 93

**PENUTUP** 97


**LAMPIRAN**


| | | | |
|---|---|---|---|
| Lampiran I | - | Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang | 101 |
| Lampiran II | - | Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri Pahang | 105 |
| Lampiran III | - | Penyata Kedudukan Kewangan | 106 |
| Lampiran IV | - | Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai | 107 |
| Lampiran V | - | Penyata Prestasi Kewangan | 108 |
| Lampiran VI | - | Penyata Akaun Memorandum | 109 |
| Lampiran VII | - | Nota Kepada Penyata Kewangan | 110 |

**AKRONIM** 133

# PENDAHULUAN

# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 mengkehendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Pahang, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang akan memperkenan laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri;
iv. Pengauditan Pematuhan; dan
v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2022. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan terhadap agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

**(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**
**Ketua Audit Negara**
**Malaysia**

**Putrajaya**

**12 September 2023**

# RINGKASAN KESELURUHAN

# RINGKASAN KESELURUHAN

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PAHANG TAHUN 2022

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG TAHUN 2022

### PRESTASI KEWANGAN

**HASIL**

**2022 – RM1.288 Bilion**
**2021 – RM865.99 Juta**

**BELANJA**

**2022 – RM1.236 Bilion**
**2021 – RM931.11 Juta**

Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan lebihan **RM51.58 juta** berbanding defisit **RM65.12 juta** (2021).

**SIJIL AUDIT TANPA TEGURAN**

**KUMPULAN WANG DISATUKAN**

**2022 – RM750.55 Juta**
**2021 – RM640.95 Juta**

**AKAUN HASIL DISATUKAN**

**2022 – RM263.61 Juta**
**2021 – RM170.81 Juta**

**AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**2022 – RM486.94 Juta**
**2021 – RM470.14 Juta**

### PERBANDINGAN KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG

**ASET RM1.031 Bilion**
- Pinjaman Boleh Tuntut RM184.95 Juta
- Pelaburan RM846.46 Juta

**LIABILITI RM1.085 Bilion**
- Hutang Awam RM908.99 Juta
- Pelbagai Liabiliti RM175.65 Juta

**3 SYOR AUDIT**

## PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PAHANG

**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022**

- **16** agensi kemuka sebelum 30 April 2023
- **3** agensi diluluskan pelanjutan tarikh oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
- **2** agensi lewat selepas 30 April 2023 tanpa kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

**21 AGENSI**

- 10 Badan Berkanun Negeri
- 11 Pihak Berkuasa Tempatan

**PEMBENTANGAN 21 PENYATA KEWANGAN AGENSI TAHUN 2021 YANG TELAH DISIJILKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**

- ✓ 17 penyata kewangan agensi telah dibentang pada 13 Oktober 2022 dan 12 Mei 2023
- ✓ 4 penyata kewangan tahun 2021 masih belum dibentang

**RUMUSAN AUDIT**

Setakat 31 Ogos 2023, tiga penyata kewangan agensi telah disahkan.

**2 SYOR AUDIT**

## PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PAHANG

**Majlis Perbandaran Temerloh**
- **RM12,400** – hasil sewaan terkurang kutip

**KERUGIAN HASIL RM12,400**

**3 SYOR AUDIT**

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN**
**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI**
**SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI**
**NEGERI PAHANG TAHUN 2022**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Pahang serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pahang serta satu tajuk pengauditan pematuhan agensi negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022**

a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 11 Ogos 2023.

b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Pahang**

a. Kutipan hasil pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM422.01 juta atau 48.7% menjadi RM1.288 bilion. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat sebanyak RM304.89 juta atau 32.7% menjadi RM1.236 bilion pada tahun 2022 berbanding RM931.11 juta pada tahun 2021.

b. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM92.80 juta. Lebihan pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM86.94 juta atau 1,483.6% menjadi RM92.80 juta berbanding lebihan RM5.86 juta pada tahun 2021. Lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM263.61 juta atau 54.3% berbanding RM170.81 juta pada tahun 2021.

c. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan berjumlah RM16.80 juta atau 3.6% menjadikan baki pada tahun 2022

berjumlah RM486.94 juta berbanding RM470.14 juta pada tahun 2021. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2021 dan 2022 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berjumlah RM750.55 juta, iaitu meningkat sebanyak RM109.60 juta (17.1%) berbanding RM640.95 juta pada akhir tahun 2021.

d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM11.34 juta (5.8%) daripada RM196.29 juta pada tahun 2021 kepada RM184.95 juta pada tahun 2022. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM2.199 bilion atau 70.8% menjadi RM908.99 juta berbanding RM3.108 bilion pada tahun 2021. Pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2022 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti tahun 2021.

### 1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pahang

a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 21 agensi negeri yang terdiri daripada 10 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b. Kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023.

c. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 21 agensi negeri tersebut, 16 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2023. Bagaimanapun, dua penyata kewangan yang dikemukakan tidak lengkap iaitu bagi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kedua-dua penyata kewangan tersebut dikembalikan untuk pindaan dan telah dikemukakan semula kepada pihak Audit selepas 30 April 2023.

d. Terdapat lima agensi negeri yang mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Bandaraya Kuantan. Tiga agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

dan telah mendapat kelulusan lanjutan tempoh penyerahan. Baki dua agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Perbandaran Temerloh tidak memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

e. Setakat 31 Ogos 2023, tiga penyata kewangan BBN telah disahkan. Tujuh penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

**1.4. Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang**

a. Pengauditan pematuhan Agensi Negeri Pahang dilaksanakan terhadap Kutipan Hasil Sewaan di Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) yang melibatkan hasil sewaan terkurang kutip berjumlah RM12,400.

2. Secara keseluruhannya, sebanyak lapan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Tiga syor kepada Kerajaan Negeri Pahang dan lima syor kepada agensi negeri.

# BAHAGIAN I

## Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit ?**

- Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2022 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

**Mengapa ia penting untuk diaudit ?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**FAKTA UTAMA**

| | | |
|---|---|---|
| **1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022**<br>Tahun kewangan Kerajaan Negeri | **31 Julai 2023**<br>Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit | **5 Mei 2023**<br>Tarikh sebenar penyerahan penyata kewangan untuk diaudit |
| **Komponen Penyata Kewangan** | • Penyata Kedudukan Kewangan<br>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai<br>• Penyata Prestasi Kewangan<br>• Penyata Akaun Memorandum<br>• Nota Kepada Penyata Kewangan | |
| **Jenis Sijil** | **Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran** | |

### 1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Yang Berhormat (YB) Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 kepada Jabatan Audit Negara pada **5 Mei 2023**. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai ubah suai pada tahun 2022 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Selain itu, ia mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam

Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2022. Penerimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding dengan perbelanjaan mengurus, pembangunan dan bekalan air serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2022. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutup bersama-sama YB Pegawai Kewangan Negeri telah diadakan pada **11 Ogos 2023**.

## 3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang disertakan bersama-sama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

# BAHAGIAN II

## Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara menyeluruh pada akhir tahun 2022, di samping membantu Kerajaan Negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berjumlah RM750.55 juta, meningkat sebanyak RM109.60 juta (17.1%) berbanding RM640.95 juta pada tahun 2021.

- Pelaburan saham di Penyata Kedudukan Kewangan meningkat sebanyak RM60 juta atau 17% menjadi RM412.19 juta pada tahun 2022 berbanding RM352.19 juta pada tahun 2021.

- Pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum pada tahun 2022 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti pada tahun 2021.

- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM92.80 juta iaitu peningkatan sebanyak RM86.94 juta (1,483.6%) berbanding RM5.86 juta pada tahun 2021. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM422.04 juta (48.7%) menjadi RM1.288 bilion berbanding RM865.99 juta pada tahun 2021.

- Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sebanyak RM335.10 juta (39%) pada tahun 2022, iaitu daripada RM860.13 juta pada tahun 2021 kepada RM1.195 bilion.

- Prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 pada tahun 2022 adalah memuaskan kerana sejumlah RM187.37 juta (55.2%) telah dibelanjakan daripada peruntukan RM339.43 juta yang diluluskan. Pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana sebanyak 212 projek telah diluluskan dan 115 projek (54.2%) telah siap sepenuhnya manakala 50 projek (23.6%) dalam pelaksanaan dan 39 projek (18.4%) ditangguhkan serta lapan projek (3.8%) belum dilaksanakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM11.34 juta (5.8%) daripada RM196.29 juta pada tahun 2021 kepada RM184.95 juta pada tahun 2022.

- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM2.199 bilion (70.8%) menjadi RM908.99 juta pada tahun 2022 berbanding RM3.108 bilion pada tahun 2021. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 ialah RM224.83 juta.

- Pelbagai Liabiliti bagi perjanjian penyelesaian oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM175.65 juta pada tahun 2022.

**Apa yang disyorkan Audit?**

- Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

  - membuat perancangan supaya Kumpulan Wang Amanah diurus dengan baik iaitu sentiasa berbaki kredit;

  - memastikan semakan terhadap status deposit bagi tahun 1989 sehingga 2021 melibatkan semua PTJ yang tidak dituntut sama ada masih lagi diperlukan. Sekiranya tidak diperlukan deposit berkenaan hendaklah diwartakan; dan

  - memastikan tindakan telah diambil oleh semua PTJ terhadap Akaun Belum Terima (ABT) yang melebihi tempoh enam tahun.

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG

### FAKTA UTAMA

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|---|---|---|
| ↑ HASIL | ↑ AKAUN HASIL DISATUKAN | ↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |
| 2022 – RM1.288 bilion | 2022 – RM263.61 juta | 2022 – RM184.95 juta |
| 2021 – RM865.99 juta | 2021 – RM170.81 juta | 2021 – RM196.29 juta |
| ↑ BELANJA | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | PELABURAN |
| 2022 – RM1.236 bilion | 2022 – RM0 | 2022 – RM846.46 juta |
| 2021 – RM931.11 juta | 2021 – RM0 | 2021 – RM846.46 juta |
| | ↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN | ↓ HUTANG AWAM |
| | 2022 – RM486.94 juta | 2022 – RM908.99 juta |
| | 2021 – RM470.14 juta | 2021 – RM3.108 bilion |
| | | ↓ PELBAGAI LIABILITI |
| | | 2022 – RM175.65 juta |
| | | 2021 – RM275.65 juta |

### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum, Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

## 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2022, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM1.288 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM1.236 bilion. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mengalami lebihan dana berjumlah RM51.58 juta berbanding defisit berjumlah RM65.12 juta pada tahun 2021.

3.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM422.04 juta atau 48.7% menjadi RM1.288 bilion berbanding RM865.99 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan Kerajaan Negeri pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM305.34 juta atau 32.8% menjadi RM1.236 bilion berbanding RM931.11 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan Mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM220.60 juta atau 26.6% menjadi RM1.049 bilion berbanding RM828.48 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan Pembangunan juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM41.53 juta atau 54.1% menjadi RM118.27 juta berbanding RM76.74 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan Bekalan Air juga meningkat sebanyak RM43.21 juta atau 166.9% menjadi RM69.10 juta berbanding RM25.89 juta pada tahun 2021. Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **HASIL** | | | | |
| Hasil Cukai | 469.22 | 422.07 | 47.15 | 11.2 |
| Hasil Bukan Cukai | 547.15 | 265.44 | 281.71 | 106.1 |
| Terimaan Bukan Hasil | 271.66 | 178.48 | 93.18 | 52.2 |
| **JUMLAH HASIL** | **1,288.03** | **865.99** | **422.04** | **48.7** |
| **PERBELANJAAN** | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | 1,049.08 | 828.48 | 220.60 | 26.6 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 118.27 | 76.74 | 41.53 | 54.1 |
| Perbelanjaan Bekalan Air | 69.10 | 25.89 | 43.21 | 166.9 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | **1,236.45** | **931.11** | **305.34** | **32.8** |
| **LEBIHAN/KURANGAN** | **51.58** | **(65.12)** | **116.70** | **179.2** |
| **Lebihan/(Kurangan) Dibiayai Oleh:** | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | 90.26 | 77.44 | 12.82 | 16.6 |
| Pelbagai Terimaan | 47.91 | 45.09 | 2.82 | 6.3 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | (189.75) | (57.41) | (132.34) | 230.5 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | **(51.58)** | **65.12** | **(116.70)** | **(179.2)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 adalah kukuh kerana memperoleh lebihan berjumlah RM51.58 juta, iaitu meningkat sebanyak RM116.70 juta atau 179.2% berbanding defisit RM65.12 juta pada tahun 2021.

## 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berjumlah RM750.55 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada Wang Tunai berjumlah RM338.36 juta dan Pelaburan berjumlah RM412.19 juta.

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 meningkat sebanyak RM109.60 juta atau 17.1% menjadi RM750.55 juta berbanding RM640.95 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM92.80 juta atau 54.3% berbanding tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Hasil Disatukan | 263.61 | 170.81 | 92.80 | 54.3 |
| 2. | Akaun Pinjaman Disatukan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Akaun Amanah Disatukan | 486.94 | 470.14 | 16.80 | 3.6 |
| **JUMLAH** | | **750.55** | **640.95** | **109.60** | **17.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Carta 1.**

**CARTA 1**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 hingga 2022

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Baki wang tunai Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM49.60 juta atau 17.2% pada akhir tahun 2022 menjadi RM338.36 juta berbanding RM288.76 juta pada akhir tahun 2021 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**BAKI WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM JUTA) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Wang Tunai Dalam Bank | 338.22 | 288.61 | 49.61 | 17.2 |
| 2. | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.00 | 0.01 | (0.01) | (100.0) |
| 3. | Wang Tunai Dalam Tangan | 0.14 | 0.14 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **338.36** | **288.76** | **49.60** | **17.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan Negeri adalah Pelaburan Am daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan Am terdiri daripada pegangan saham dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Saham Tak Tersiar Harga dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Pada akhir tahun 2022, baki pelaburan meningkat sejumlah RM60 juta atau 17% menjadi RM412.19 juta berbanding RM352.19 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan Deposit Dalam Negeri sebanyak RM60 juta. Baki pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 dan 2021 seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**BAKI PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 DAN 2021**

| BIL. | SYARIKAT/ INSTITUSI KEWANGAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| **SAHAM** | | | | | |
| 1. | Amanah Saham Pahang Berhad | 44.10 | 44.10 | 0.00 | 0.0 |
| 2. | YTL Corporation Berhad | 39.59 | 39.59 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad | 15.21 | 15.21 | 0.00 | 0.0 |
| 4. | Telekom Malaysia Berhad | 3.05 | 3.05 | 0.00 | 0.0 |
| 5. | Global Maritime Ventures Berhad | 3.00 | 3.00 | 0.00 | 0.0 |
| 6. | Malaysia Airport Berhad | 2.50 | 2.50 | 0.00 | 0.0 |
| 7. | Alam Flora Sdn. Bhd. | 2.00 | 2.00 | 0.00 | 0.0 |
| 8. | Malaysian Bulk Carriers Berhad | 1.72 | 1.72 | 0.00 | 0.0 |
| 9. | Tenaga Nasional Berhad | 0.79 | 0.79 | 0.00 | 0.0 |
| 10. | Axiata Group Berhad | 0.23 | 0.23 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **112.19** | **112.19** | **0.00** | **0.0** |
| **DEPOSIT DALAM NEGERI** | | | | | |
| 1. | Bank Muamalat Malaysia Berhad | 50.00 | 100.00 | (50.00) | (50.0) |
| 2. | Bank Rakyat | 60.00 | 60.00 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Bank Islam Malaysia Berhad | 30.00 | 30.00 | 0.00 | 0.0 |
| 4. | Bank MBSB Berhad | 30.00 | 30.00 | 0.00 | 0.0 |

| BIL. | SYARIKAT/ INSTITUSI KEWANGAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 5. | Agro Bank | 20.00 | 20.00 | 0.00 | 0.0 |
| 6. | Affin Islamic Bank Berhad | 50.00 | 0.00 | 50.00 | 100.0 |
| 7. | Maybank Islamic Berhad | 30.00 | 0.00 | 30.00 | 100.0 |
| 8. | CO-OP Bank Pertama | 30.00 | 0.00 | 30.00 | 100.0 |
| **JUMLAH** | | **300.00** | **240.00** | **60.00** | **25.0** |
| **JUMLAH PELABURAN** | | **412.19** | **352.19** | **60.00** | **17.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

5.2.3. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri menerima pulangan atas pelaburan berjumlah RM16.26 juta meningkat sebanyak RM5.75 juta atau 54.7% berbanding RM10.51 juta pada tahun 2021. Pulangan atas pelaburan tersebut adalah dalam bentuk tunai iaitu keuntungan dan dividen yang dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan terimaan dividen daripada Alam Flora Sdn. Bhd., YTL Corporation Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Selain itu, hasil keuntungan Deposit Dalam Negeri pada tahun 2022 adalah sebanyak RM5.45 juta. Manakala tiada pulangan diterima daripada empat syarikat pada tahun 2021 dan 2022 iaitu Malaysia Airport Berhad, Amanah Saham Pahang Berhad, Global Maritime Ventures Berhad dan Malaysian Bulk Carriers Berhad. Pulangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**PULANGAN ATAS PELABURAN YANG DITERIMA**
**OLEH KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| **SAHAM** | | | | | |
| 1. | Alam Flora Sdn. Bhd. | 4.95 | 3.62 | 1.33 | 36.7 |
| 2. | YTL Corporation Berhad | 3.09 | 2.58 | 0.51 | 19.8 |
| 3. | Telekom Malaysia Berhad | 0.14 | 0.13 | 0.01 | 7.7 |
| 4. | Tenaga Nasional Berhad | 0.68 | 0.80 | (0.12) | (15.0) |
| 5. | Axiata Group Berhad | 0.05 | 0.08 | (0.03) | (37.5) |
| 6. | Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad | 1.90 | 3.30 | (1.40) | (42.4) |
| 7. | Malaysia Airport Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 8. | Amanah Saham Pahang Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 9. | Global Maritime Ventures Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 10. | Malaysian Bulk Carriers Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **10.81** | **10.51** | **0.30** | **2.9** |
| **DEPOSIT DALAM NEGERI** | | | | | |
| 1. | Bank Muamalat Malaysia Berhad | 2.30 | 0.00 | 2.30 | 100.0 |
| 2. | Bank Rakyat | 1.50 | 0.00 | 1.50 | 100.0 |
| 3. | Bank Islam Malaysia Berhad | 0.72 | 0.00 | 0.72 | 100.0 |
| 4. | Bank MBSB Berhad | 0.72 | 0.00 | 0.72 | 100.0 |
| 5. | Agro Bank | 0.21 | 0.00 | 0.21 | 100.0 |
| **JUMLAH** | | **5.45** | **0.00** | **5.45** | **100.0** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **16.26** | **10.51** | **5.75** | **54.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan baki lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM263.61 juta. Lebihan hasil tahun semasa menunjukkan peningkatan sebanyak RM86.94 juta atau 1,483.6% menjadi RM92.80 juta pada tahun 2022 berbanding RM5.86 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| PERKARA | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 170.81 | 164.95 | 5.86 | 3.6 |
| Hasil | 1,288.03 | 865.99 | 422.04 | 48.7 |
| Perbelanjaan Mengurus* | 1,195.23 | 860.13 | 335.10 | 39.0 |
| Lebihan | 92.80 | 5.86 | 86.94 | 1,483.6 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **263.61** | **170.81** | **92.80** | **54.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021
Nota: (*) - Termasuk Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

### 6.3. Hasil

6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2022, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri berjumlah RM1.288 bilion atau 124.2% daripada anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM1.037 bilion seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN HASIL TAHUN 2022**

| BIL. | KATEGORI HASIL | ANGGARAN HASIL (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hasil Cukai | 501.00 | 469.22 | 93.7 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 381.17 | 547.15 | 143.5 |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 154.65 | 271.66 | 175.7 |
| **JUMLAH** | | **1,036.82** | **1,288.03** | **124.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022

6.3.2. Hasil pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM422.04 juta atau 48.7% menjadi RM1.288 bilion berbanding RM865.99 juta pada tahun 2021. Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing meningkat sebanyak RM47.15 juta (11.2%) dan RM93.18 juta (52.2%) menjadi RM469.22 juta berbanding RM422.07 juta pada tahun 2021 bagi Hasil Cukai dan RM271.66 juta berbanding RM178.48 juta pada tahun 2021 bagi Terimaan Bukan Hasil. Hasil Bukan Cukai pula mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM281.71 juta atau 106.1% menjadi RM547.15 juta berbanding RM265.44 juta pada tahun 2021. Kutipan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

**JADUAL 8**
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Hasil Cukai | 469.22 | 422.07 | 47.15 | 11.2 | • Peningkatan kutipan Tunggakan Cukai Tanah sebanyak RM21.65 juta.<br>• Peningkatan Cukai Hiburan sebanyak RM11.78 juta.<br>• Peningkatan Royalti Perlombongan sebanyak RM7.25 juta. |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 547.15 | 265.44 | 281.71 | 106.1 | • Peningkatan Hasil Premium Tanah dan Sewa Tanah Kerajaan yang lain masing-masing berjumlah RM132.98 juta dan RM50.43 juta. |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 271.66 | 178.48 | 93.18 | 52.2 | • Lebihan dari pelarasan hapus kira pinjaman persekutuan sebanyak RM54.87 juta dan sumbangan daripada anak syarikat meningkat sebanyak RM13.11 juta. |
| **JUMLAH** | | **1,288.03** | **865.99** | **422.04** | **48.7** | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

**CARTA 2**
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

6.3.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ialah Hasil Tanah, Geran Persekutuan, Hasil-hasil Lain, Hasil Hutan dan Hasil Air. Pada tahun 2022, Hasil Tanah meningkat dengan ketara sejumlah RM246.13 juta berbanding tahun 2021 disebabkan oleh premium tanah dan sewa tanah Kerajaan. Hasil-hasil lain turut meningkat disebabkan pelarasan hapus kira

pinjaman Persekutuan yang berjumlah RM54.87 juta. Hasil utama Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**
**HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Tanah | 754.82 | 508.69 | 246.13 | 48.4 |
| 2. | Hasil-hasil Lain | 284.15 | 164.42 | 119.73 | 72.8 |
| 3. | Hasil Hutan | 134.18 | 102.62 | 31.56 | 30.8 |
| 4. | Geran Persekutuan | 91.03 | 73.53 | 17.50 | 23.8 |
| 5. | Hasil Air | 23.85 | 16.73 | 7.12 | 42.6 |
| **JUMLAH** | | **1,288.03** | **865.99** | **422.04** | **48.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

6.3.4. Pada tahun 2022, tiga butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun 2021 iaitu Premium Tanah, Sewa Tanah Kerajaan yang Lain dan Lebihan dari Pelarasan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**
**PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Premium Tanah | 151.81 | 18.82 | 132.99 | 706.6 | Bayaran premium tanah oleh FELDA berjumlah RM63.76 dan FELCRA berjumlah RM37.85 juta |
| 2. | Sewa Tanah Kerajaan yang Lain | 50.49 | 0.06 | 50.43 | 84,050.0 | Terimaan bayaran sewaan tapak dan menara pencawang Tenaga Nasional Berhad bagi tahun 2015 hingga 2022 berjumlah RM50.44 juta |
| 3. | Lebihan dari Pelarasan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah | 54.87 | 0.00* | 54.87 | 100.0 | Pelarasan hapus kira pinjaman Persekutuan berjumlah RM54.87 juta |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021
Nota: (*) RM2,209

6.3.5. Pada tahun 2022, tiga butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara berbanding tahun 2021 iaitu Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri/Sumbangan Tempatan, Deposit Tidak Dituntut dan Cukai Tanah Semasa/Berulang individu seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**
**PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri/Sumbangan Tempatan - Syarikat | 1.02 | 12.96 | (11.94) | (92.1) | Pada tahun 2022, hanya Pengurusan Pasir Pahang Berhad yang memberikan sumbangan berjumlah RM100,000 |
| 2. | Deposit Tak Dituntut | 0.05 | 7.57 | (7.52) | (99.3) | Penurunan deposit yang tidak diwartakan berbanding tahun 2021. |
| 3. | Cukai Tanah Semasa/Berulang | 266.89 | 270.83 | (3.94) | (1.5) | Pada tahun 2021, tempoh bayaran cukai tanah semasa telah dipanjangkan sehingga bulan September 2021 kerana masalah pandemik berbanding tahun 2022, tempoh bayaran cukai tanah semasa telah kembali ke asal iaitu 31 Mei 2022. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri.

6.4.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pada tahun 2022, peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan meningkat sejumlah RM262.95 juta atau 27.2% berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**
**PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS**
**KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 376.21 | 344.19 | 32.02 | 9.3 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 203.27 | 175.23 | 28.04 | 16.0 |
| 3. | Aset | 22.17 | 15.25 | 6.92 | 45.4 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 618.97 | 424.54 | 194.43 | 45.8 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 9.08 | 7.54 | 1.54 | 20.4 |
| **JUMLAH** | | **1,229.70** | **966.75** | **262.95** | **27.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

6.4.3. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2022 berjumlah RM1.031 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM199 juta menjadi RM1.230 bilion selepas semakan semula. Pada tahun 2022, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri berjumlah RM1.195 bilion atau 97.2% daripada peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**
**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI**
**BAGI TAHUN 2022 BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN**

| BIL. | BUTIRAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 376.21 | 355.64 | 94.5 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 203.27 | 197.86 | 97.3 |
| 3. | Aset | 22.17 | 21.86 | 98.6 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap* | 618.97 | 610.83 | 98.7 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 9.08 | 9.03 | 99.4 |
| **JUMLAH** | | **1,229.70** | **1,195.22** | **97.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022
Nota: (*) - Termasuk Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM141.16 juta

6.4.4. Pada tahun 2022, perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak RM335.09 juta atau 39% menjadi RM1.195 bilion berbanding RM860.13 juta pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**
**PERBELANJAAN MENGURUS**
**KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 355.64 | 329.99 | 25.65 | 7.8 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 197.86 | 149.50 | 48.36 | 32.3 |
| 3. | Aset | 21.86 | 15.05 | 6.81 | 45.2 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap* | 610.83 | 358.46 | 252.37 | 70.4 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 9.03 | 7.13 | 1.90 | 26.6 |
| **JUMLAH** | | **1,195.22** | **860.13** | **335.09** | **39.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021
Nota: (*) - Termasuk Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan RM141.16 juta dan Kumpulan Wang Bekalan Air RM4.99 juta

6.4.5. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat peningkatan yang ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**
**PENINGKATAN KETARA PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | PUSAT TANGGUNG JAWAB | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Emolumen | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang | 42.88 | 19.25 | 23.63 | 122.8 | Peningkatan kadar pemberian Bantuan Khas Kewangan di bawah kod objek 17000 berjumlah RM37.90 juta |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | Jabatan Agama Islam Negeri Pahang | 55.95 | 34.15 | 21.80 | 63.8 | Peningkatan disebabkan oleh perkhidmatan persediaan makanan di bawah kod objek 29126 berjumlah RM19.19 juta. Tahun 2021 ialah tahun PKP. Kebanyakan program tidak dapat diadakan serta bekalan makanan bermasak juga telah dihentikan berikutan sekolah ditutup untuk tempoh tersebut. Pada tahun 2022, kebanyakan program telah dibenarkan untuk diadakan secara bersemuka dan sekolah telah mula beroperasi seperti biasa |
| 3. | Aset | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 6.03 | 0.02 | 6.01 | 30,050 | Pada tahun 2022, terdapat perolehan perbekalan aset seperti membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan peralatan ICT bagi jabatan Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM2.30 juta dan kerja membina infrastruktur RM1.30 juta serta pembelian kenderaan berjumlah RM0.90 juta |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang | 318.18 | 127.94 | 190.24 | 148.7 | Pada tahun 2022, terdapat pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM141.16 juta dan pemberian/imbuhan balik bekalan air berjumlah RM5 juta. |
| 5. | Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang | 5.36 | 3.40 | 1.96 | 57.6 | Terdapat bayaran pulang balik premium(Notis 5A) kelulusan pemberimilikan tanah sebanyak RM1.45 juta dan bayaran hasil deposit tanah yang diwartakan berjumlah RM1.26 juta |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

### 6.4.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut

diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.

b. Pada tahun 2022, sejumlah RM352,412 (107 baucar bayaran) telah dibayar di bawah AP 58(a). Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding RM715,988 (255 baucar bayaran) pada tahun 2021, iaitu penurunan sebanyak RM363,576 atau 50.8% berbanding tahun 2021. Butiran pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | JABATAN | 2022 | | 2021 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | BILANGAN BAUCAR BAYARAN | JUMLAH (RM) | BILANGAN BAUCAR BAYARAN | JUMLAH (RM) |
| 1. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | 57 | 172,981.87 | 70 | 249,530.66 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan | 9 | 89,179.57 | 78 | 362,361.18 |
| 3. | Dewan Negeri | 7 | 40,323.15 | 1 | 1,744.75 |
| 4. | Jabatan Pertanian Negeri | 7 | 3,223.50 | 2 | 1,256.85 |
| 5. | Pejabat KDYMM Sultan | 6 | 1,074.40 | 8 | 8,369.42 |
| 6. | Jabatan Perhutanan Negeri | 4 | 38,585.61 | 6 | 7,967.46 |
| 7. | Jabatan Kehakiman Syariah | 4 | 2,171.66 | 11 | 14,809.69 |
| 8. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri | 3 | 348.00 | 3 | 1,788.85 |
| 9. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 2 | 2,246.47 | 17 | 22,207.95 |
| 10. | Pejabat Daerah dan Tanah Bera | 2 | 739.88 | 0 | 0.00 |
| 11. | Pejabat Daerah dan Tanah Lipis | 2 | 308.00 | 1 | 2,200.00 |
| 12. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang | 2 | 143.00 | 0 | 0.00 |
| 13. | Pejabat Daerah dan Tanah Rompin | 1 | 1,028.75 | 0 | 0.00 |
| 14. | Pejabat Daerah dan Tanah Raub | 1 | 57.90 | 0 | 0.00 |
| 15. | Jabatan Agama Islam Negeri | 0 | 0.00 | 16 | 19,131.72 |
| 16. | Pejabat Daerah dan Tanah Maran | 0 | 0.00 | 33 | 12,784.49 |
| 17. | Jabatan Kerja Raya | 0 | 0.00 | 6 | 9,068.94 |
| 18. | Pejabat Daerah dan Tanah Pekan | 0 | 0.00 | 2 | 2,696.00 |
| 19. | Jabatan Mufti Negeri | 0 | 0.00 | 1 | 70.01 |
| **JUMLAH** | | **107** | **352,411.76** | **255** | **715,987.97** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

c. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah AP 58(a) melibatkan bayaran rundingan terus perkhidmatan dan penyelenggaraan sistem iSPEKS, bil rawatan perubatan, bayaran kawalan keselamatan, makan minum dan perkhidmatan percetakan. Pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat antaranya disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.

d. Pihak Audit mendapati permohonan AP 58(a) tahun 2022 telah direkodkan ke dalam Daftar Permohonan AP 58(a). Selain itu, peruntukan tahun 2022 adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP 58(a).

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan mengikut Perenggan 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2022, Akaun Pinjaman Disatukan terdiri daripada pinjaman Bekalan Air dan pinjaman Pelbagai berjumlah RM90.26 juta. Sejumlah RM44.34 juta adalah bagi Projek Bekalan Air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air dan RM45.92 juta lagi bagi Projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

7.3. Bagaimanapun, pihak Audit **mendapati terimaan dan bayaran pada Nota 6 Akaun Pinjaman Disatukan di bawah Pinjaman Pelbagai dan Penyata Prestasi Kewangan telah terlebih nyata berjumlah RM6,200. Pinjaman Pelbagai yang diterima bagi membiayai pembinaan Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS) adalah berjumlah RM45.91 juta namun telah dilaporkan RM45.92 juta dalam penyata kewangan.**

**Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada 27 Julai 2023**

Pinjaman Dalam Negeri pada Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai serta Penyata Prestasi Kewangan adalah disebabkan oleh kesilapan kerana mengambil kira resit batal berjumlah RM6,200 dan amaun yang sebenar adalah RM45.91 juta. Pembetulan pelarasan berserta nota kaki Pinjaman Dalam Negeri pada Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai akan dinyatakan semula pada penyata kewangan tahun 2023.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Amanah Disatukan

berjumlah RM486.94 juta, iaitu meningkat sebanyak RM16.80 juta atau 3.6% berbanding RM470.14 juta pada tahun 2021. Peningkatan Akaun Amanah Disatukan antaranya disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM47.92 juta atau 35.1%. Baki Akaun Amanah Disatukan seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 3**.

**JADUAL 17**
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan** | **(7.17)** | **29.68** | **(36.85)** | **(124.2)** |
| i. *Kumpulan Wang Pembangunan* | *(302.55)* | *(356.76)* | 54.21 | 15.2 |
| ii. *Kumpulan Wang Bekalan Air* | *(298.32)* | *(295.15)* | (3.17) | 1.1 |
| iii. *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *593.70* | *681.59* | (87.89) | (12.9) |
| **b. Kumpulan Wang Amanah Awam** | **184.29** | **136.37** | **47.92** | **35.1** |
| **c. Akaun Deposit** | **309.82** | **304.09** | **5.73** | **1.9** |
| **JUMLAH** | **486.94** | **470.14** | **16.80** | **3.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

**CARTA 3**
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 Hingga 2022

## 8.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Pahang.

### 8.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini antaranya adalah caruman dari Akaun Hasil Disatukan, jualan aset modal iaitu jualan rumah kos rendah dan Pelbagai Terimaan.

Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti yang ditetapkan dalam Akta 406 dan diluluskan oleh Dewan Negeri.

**a. Prestasi Kewangan**

i. Pada tahun 2022, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM172.48 juta yang terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM141.15 juta, Jualan Aset Modal berjumlah RM0.65 juta serta Pelbagai Terimaan berjumlah RM30.68 juta. Pelbagai Terimaan antaranya terdiri daripada Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM22.95 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM4.04 juta serta sewa rumah awam kos rendah dan lain-lain sewa berjumlah RM3.30 juta.

ii. Pada tahun 2022, Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan lebihan sebanyak RM54.21 juta berbanding pada tahun 2021, iaitu meningkat sebanyak RM54.21 juta atau 100%. Ini kerana jumlah terimaan pada tahun 2022 mampu menampung jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022. Pada akhir tahun 2022, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki defisit berjumlah RM302.55 juta berbanding baki defisit tahun 2021 yang berjumlah RM356.76 juta seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**
**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| PERKARA | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (356.76) | (356.76) | 0.00 | 0.00 |
| Terimaan | 172.48 | 76.75 | 95.73 | 124.7 |
| Perbelanjaan | 118.27 | 76.75 | 41.52 | 54.1 |
| Lebihan/ Defisit | 54.21 | 0.00 | 54.21 | 100.0 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **(302.55)** | **(356.76)** | **54.21** | **15.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak RM41.53 juta atau 54.1% menjadi RM118.27 juta berbanding RM76.74 juta pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan | 32.26 | 12.05 | 20.21 | 167.7 |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | 29.68 | 22.80 | 6.88 | 30.2 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 25.78 | 20.09 | 5.69 | 28.3 |
| 4. | Jabatan Perhutanan Negeri | 4.67 | 3.01 | 1.66 | 55.1 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 2.84 | 1.69 | 1.15 | 68.0 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri | 5.97 | 5.36 | 0.61 | 11.4 |
| 7. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 9.94 | 4.67 | 5.27 | 112.8 |
| 8. | Jabatan Agama Islam Negeri | 6.57 | 6.69 | (0.12) | (1.8) |
| 9. | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | 0.56 | 0.38 | 0.18 | 47.4 |
| **JUMLAH** | | **118.27** | **76.74** | **41.53** | **54.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## b. Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-12

i. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merangkumi projek pembangunan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan dan projek bekalan air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Sejumlah RM2.520 bilion siling peruntukan bagi RMKe-12 telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan sejumlah RM339.43 juta atau 13.5% peruntukan telah diluluskan untuk pelaksanaan projek yang telah dirancang bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022 seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**
**PERUNTUKAN DILULUSKAN BERBANDING SILING PERUNTUKAN RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | SILING PERUNTUKAN (RM Juta) | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan | 308.42 | 38.23 | 12.4 |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | 155.92 | 51.85 | 33.3 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 493.52 | 60.83 | 12.3 |
| 4. | Jabatan Perhutanan Negeri | 41.09 | 4.85 | 11.8 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 22.53 | 2.97 | 13.2 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri | 60.90 | 6.00 | 9.9 |
| 7. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 180.47 | 12.32 | 6.8 |
| 8. | Jabatan Agama Islam Negeri | 356.07 | 9.60 | 2.7 |
| 9. | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | 35.5 | 1.50 | 4.2 |
| 10. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air) | 865.47 | 151.28 | 17.5 |
| **JUMLAH** | | **2,519.89** | **339.43** | **13.5** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022

ii. Sejumlah RM187.37 juta atau 55.2% telah dibelanjakan sepanjang tempoh berakhir 31 Disember 2022 berbanding peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan mengikut jabatan/pejabat pula adalah antara 37.3% hingga 99.5% seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan | 38.23 | 32.26 | 84.4 |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | 51.85 | 29.68 | 57.2 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 60.83 | 25.78 | 42.4 |
| 4. | Jabatan Perhutanan Negeri | 4.85 | 4.67 | 96.3 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 2.97 | 2.84 | 95.6 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri | 6.00 | 5.97 | 99.5 |
| 7. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 12.32 | 9.94 | 80.7 |
| 8. | Jabatan Agama Islam Negeri | 9.60 | 6.57 | 68.4 |
| 9. | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | 1.50 | 0.56 | 37.3 |
| 10. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air) | 151.28 | 69.10 | 45.7 |
| **JUMLAH** | | **339.43** | **187.37** | **55.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022

iii. Sepanjang tempoh berakhir 31 Disember 2022, sebanyak 212 projek telah diluluskan dan 115 projek atau 54.2% telah siap sepenuhnya manakala 50 projek atau 23.6% dalam pelaksanaan dan 39 projek atau 18.4% ditangguhkan serta lapan projek atau 3.8% belum dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022 seperti dalam **Jadual 22** dan **Carta 4**.

**JADUAL 22**
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | BILANGAN PROJEK | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | LULUS | SIAP | DALAM PELAKSANAAN | TANGGUH | BELUM DILAKSANAKAN |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan | 44 | 26 | 12 | 5 | 1 |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | 13 | 4 | 6 | 2 | 1 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 28 | 12 | 7 | 6 | 3 |
| 4. | Jabatan Perhutanan Negeri | 25 | 20 | 0 | 5 | 0 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 19 | 18 | 0 | 1 | 0 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri | 17 | 17 | 0 | 0 | 0 |
| 7. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 27 | 16 | 5 | 4 | 2 |
| 8. | Jabatan Agama Islam Negeri | 25 | 2 | 12 | 10 | 1 |
| 9. | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | 2 | 0 | 2 | 0 | 0 |
| 10. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air) | 12 | 0 | 6 | 6 | 0 |
| **JUMLAH** | | **212** | **115** | **50** | **39** | **8*** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan
Nota: (*) - 8 projek token RM10 belum dilaksanakan

**CARTA 4**
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12**
**BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan

### 8.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Subseksyen 3(1) Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan berkaitan bekalan air. Pada tahun 2022, terimaan bekalan air berjumlah RM65.92 juta yang terdiri daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan dan pemberian/imbuhan balik bekalan air. Prestasi Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak RM16.05 juta atau 83.5% menjadikan defisit berjumlah RM3.17 juta berbanding defisit berjumlah RM19.22 juta pada tahun 2021. Pada akhir tahun 2022, Kumpulan Wang Bekalan Air berbaki defisit berjumlah RM298.32 juta berbanding RM295.15 juta pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**
**BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| PERKARA | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (295.15) | (275.93) | (19.22) | (7.0) |
| Terimaan | 65.92 | 6.67 | 59.25 | 888.3 |
| Perbelanjaan | 69.09 | 25.89 | 43.20 | 166.9 |
| Defisit | (3.17) | (19.22) | 16.05 | 83.5 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **(298.32)** | **(295.15)** | **(3.17)** | **(1.1)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

### 8.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2022, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM593.70 juta menurun sebanyak RM87.89 juta atau 12.9% berbanding RM681.59 juta pada tahun 2021.

b. Faktor utama penurunan ini antaranya disebabkan oleh baki Akaun Penyelesaian iaitu hapus kira Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM54.87 juta. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**
**BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Penyelesaian | 151.21 | 246.71 | (95.50) | (38.7) |
| 2. | Akaun Pinjaman | 147.86 | 140.53 | 7.33 | 5.2 |
| 3. | Kumpulan Wang Luar Jangka | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.0 |
| 4. | Pelbagai Kumpulan Wang | 284.63 | 284.35 | 0.28 | 0.1 |
| **JUMLAH** | | **593.70** | **681.59** | **(87.89)** | **(12.9)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

**c. Akaun Penyelesaian**

Akaun Penyelesaian terdiri daripada Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan, Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Peruntukan Pendahuluan Jabatan. Pada tahun 2022, Akaun Penyelesaian menurun sebanyak RM95.50 juta atau 38.7% menjadi RM151.21 juta berbanding RM246.71 juta pada tahun 2021. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh hapus kira Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM54.87 juta dan sejumlah RM40.63 juta telah di *offset* bagi bayaran balik Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan.

**d. Akaun Pinjaman**

Akaun Pinjaman terdiri daripada Akaun Peruntukan dan Akaun Transaksi bagi pendahuluan/pinjaman kepada penjawat awam, Ahli Dewan Undangan Negeri serta agensi negeri. Baki peruntukan Akaun Pinjaman meningkat sebanyak RM7.33 juta atau 5.2% menjadi RM147.86 juta pada tahun 2022 berbanding RM140.53 juta pada tahun 2021. Perkara ini antaranya disebabkan oleh bayaran balik pokok pinjaman oleh Pinjaman Sukan Malaysia sebanyak RM4.1 juta dan Amanah Saham Pahang Berhad

sebanyak RM2 juta. Manakala Majlis Bandaraya Kuantan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah menyelesaikan baki pokok pinjaman masing-masing sebanyak RM1.64 juta dan RM1.04 juta.

## e. Pelbagai Kumpulan Wang

i. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 (*Akta 61*) bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan dan sumber lain. Kumpulan wang ini ditubuhkan untuk mengakaun terimaan, bayaran dan pelarasan yang berkaitan. Pada tahun 2022, sebanyak 16 akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah sama seperti tahun 2021.

### ii. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diwujudkan untuk membiayai kos berkaitan penyelenggaraan jalan negeri. Pada akhir tahun 2022, baki kumpulan wang amanah ini berjumlah RM177.27 juta iaitu menurun sebanyak RM8.22 juta atau 4.4% berbanding RM185.49 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan ketara perbelanjaan sejumlah RM44.39 juta atau 12.2% menjadi RM407.77 juta berbanding RM363.38 juta pada tahun 2021. Hal ini disebabkan oleh pertambahan pendaftaran jalan negeri dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS).

- Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan di negeri Pahang adalah 43,034.946 kilometer merangkumi jalan negeri utama, jalan bandaran, jalan perumahan, lorong belakang perumahan, jalan kampung dan jalan pertanian. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**
**BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 185.49 | 171.94 | 13.55 | 7.9 |
| Terimaan | 399.55 | 376.93 | 22.62 | 6.0 |
| Perbelanjaan | 407.77 | 363.38 | 44.39 | 12.2 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **177.27** | **185.49** | **(8.22)** | **(4.4)** |
| Penggunaan (%) | 102.1 | 96.4 | | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 8.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang ditubuhkan di bawah Akta 61 bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan pertubuhan, persatuan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mempunyai 22 akaun amanah awam berbanding 23 akaun amanah pada tahun 2021 kerana satu akaun amanah telah ditutup iaitu Akaun Amanah Pengurusan Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri. Baki kumpulan wang amanah ini pada akhir tahun 2022 berjumlah RM184.29 juta berbanding RM136.37 juta pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM47.92 juta atau 35.1% seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**
**BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| PERKARA | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 136.37 | 116.55 | 19.82 | 17.0 |
| Terimaan | 182.87 | 206.82 | (23.95) | (11.6) |
| Perbelanjaan | 134.95 | 187.00 | (52.05) | (27.8) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **184.29** | **136.37** | **47.92** | **35.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 8.4. Akaun Deposit

8.4.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am memperakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian yang perlu dikembalikan apabila maksud deposit tersebut telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

8.4.2. Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Deposit meningkat sebanyak RM5.74 juta atau 1.9% menjadi RM309.83 juta berbanding RM304.09 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh Deposit Am yang Lain yang meningkat dengan ketara sebanyak RM7.14 juta atau 6.2% pada tahun 2022 menjadi RM122.59 juta berbanding RM115.45 juta pada tahun 2021.

8.4.3. Selain itu, peningkatan deposit turut disebabkan oleh peningkatan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak RM1.91 juta atau 12.7% menjadi RM16.92 juta berbanding RM15.01 juta pada tahun 2021.

8.4.4. Pada tahun 2022, Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal berjumlah RM5.15 juta telah dikelaskan ke Deposit Pelarasan selaras

dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019. Pada tahun 2022, sejumlah RM0.09 juta deposit di empat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang tidak dituntut selepas diwartakan telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Baki Akaun Deposit pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**
**BAKI AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | AKAUN DEPOSIT | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| **DEPOSIT AM** | | | | | |
| 1. | Deposit Am Yang Lain | 122.59 | 115.45 | 7.14 | 6.2 |
| 2. | Deposit Royalti Kayu Kayan | 101.77 | 104.25 | (2.48) | (2.4) |
| 3. | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 16.92 | 15.01 | 1.91 | 12.7 |
| 4. | Deposit Urusan Tanah | 39.02 | 40.45 | (1.43) | (3.5) |
| 5. | Pelbagai Deposit Am | 24.38 | 24.27 | 0.11 | 0.5 |
| **JUMLAH** | | **304.68** | **299.43** | **5.25** | **1.8** |
| **DEPOSIT PELARASAN** | | | | | |
| 1. | Deposit Pelarasan Cek Terbatal | 4.06 | 3.54 | 0.52 | 14.7 |
| 2. | Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal | 1.09 | 1.12 | (0.03) | (2.7) |
| **JUMLAH** | | **5.15** | **4.66** | **0.49** | **10.5** |
| **JUMLAH AKAUN DEPOSIT** | | **309.83** | **304.09** | **5.74** | **1.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

8.4.5. Arahan Perbendaharaan 162 menetapkan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. **Pihak Audit mendapati permohonan pewartaan deposit berjumlah RM6.01 juta telah dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKPN) (kepada Pejabat Penasihat Undang-undang pada 27 Julai 2023. Namun begitu, tindakan mewartakan deposit yang tidak dituntut tidak melibatkan semua PTJ. PKPN dalam proses mengemaskini status pegangan deposit berjumlah RM16.23 juta melibatkan 11 PTJ bagi pegangan deposit sejak tahun 1989 hingga 2021** seperti dalam **Jadual 28.**

**JADUAL 28**
**PEGANGAN DEPOSIT SEJAK TAHUN 1989 HINGGA 2021**

| BIL. | JENIS DEPOSIT | TAHUN PEGANGAN | BAKI DEPOSIT (RM ) |
|---|---|---|---|
| **1. Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan** | | | |
| | Deposit Tanah | 2013-2021 | 7,550,521.99 |
| **2. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Pengurusan Air Pahang Berhad)** | | | |
| | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 1997-2017 | 6,044,851.41 |
| **3. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang** | | | |
| | Deposit Cagaran | 2016-2021 | 1,625,000.00 |
| | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 2003-2021 | 156,714.26 |
| | | **JUMLAH** | **1,781,714.26** |
| **4. Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong** | | | |
| | Deposit Tanah | 1989-2021 | 699,122.25 |
| | Deposit Cagaran Sewa Bangunan | 2008 | 300.00 |
| | Deposit Pelbagai | 2010-2015 | 5,900.00 |
| | | **JUMLAH** | **705,322.25** |
| **5. Pejabat Daerah dan Tanah Bera** | | | |
| | Deposit Tanah | 2003-2020 | 134,148.30 |
| **6. Jabatan Kerja Raya Daerah Bera** | | | |
| | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 2021 | 10,035.90 |
| **7. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh** | | | |
| | Deposit Sewa Rumah Kerajaan | 2015-2020 | 2,170.00 |
| **8. Jabatan Kerja Raya Daerah Bentong** | | | |
| | Deposit Sewa Rumah Kerajaan | 2021 | 600.00 |
| **9. Jabatan Pertanian Negeri Pahang** | | | |
| | Deposit Sewa Rumah Kerajaan | 2020 | 300.00 |
| **10. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang** | | | |
| | Deposit Tender | 2015 | 300.00 |
| **11. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis** | | | |
| | Deposit Cagaran Kantin | 2020 | 200.00 |
| **JUMLAH** | | | **16,230,164.11** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada 27 Julai 2023

PKPN sedang mengemas kini status kesemua akaun deposit Kerajaan Negeri Pahang mengikut Arahan Perbendaharaan 150F.(a). Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM6.02 juta telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang bagi tujuan pewartaan yang tidak dituntut sebagai pemberitahuan dan rujukan orang ramai.

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset Kerajaan Negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Hutang Awam, iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2022 menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai aset berjumlah RM1.031 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM1.085 bilion.

### 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2022, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM184.95 juta menurun sebanyak RM11.34 juta atau 5.8% berbanding RM196.29 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan oleh agensi/syarikat telah membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

9.1.2. Baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT KERAJAAN NEGERI**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | AGENSI/SYARIKAT | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | 128.41 | 138.70 | (10.29) | (7.4) |
| 2. | Amanah Saham Pahang Berhad | 19.70 | 20.70 | (1.00) | (4.8) |
| 3. | Pihak Berkuasa Tempatan | 36.84 | 36.89 | (0.05) | (0.1) |
| **JUMLAH** | | **184.95** | **196.29** | **(11.34)** | **(5.8)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

### 9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti pada tahun 2021. Perkara ini disebabkan tiada pembelian atau penjualan saham dalam tahun semasa. Baki pelaburan saham Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**
**BAKI PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | SYARIKAT | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| 1. | Felda Global Ventures Holdings Berhad | 829.95 | 829.95 |
| 2. | Amanah Saham Pahang Berhad | 16.51 | 16.51 |
| | **JUMLAH** | **846.46** | **846.46** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

9.2.2. Pada tahun 2022, dividen daripada pelaburan saham yang diterima oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM21.89 juta meningkat sebanyak RM16.42 juta atau 300.2% berbanding RM5.47 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan dividen dari syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) berjumlah RM21.89 juta. Kerajaan Negeri turut mengagihkan sebanyak RM120,000 daripada dividen tersebut masing-masing kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Amanah Saham Pahang Berhad dan Kreatif Selaras Sdn. Bhd. yang masing-masing mempunyai pegangan satu juta unit saham dalam FGVHB. Pulangan dividen ke atas pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 31** dan **Carta 5**.

**JADUAL 31**
**DIVIDEN DITERIMA DARIPADA PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

| BIL. | SYARIKAT | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | 2022 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Felda Global Ventures Holdings Berhad | 0.00 | 0.00 | 3.65 | 5.47 | 21.89 |
| 2. | Axiata Group Berhad | 0.08 | 0.09 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| | **JUMLAH** | **0.08** | **0.09** | **3.65** | **5.47** | **21.89** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 hingga 2022

**CARTA 5**
**DIVIDEN DITERIMA DARIPADA PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 hingga 2022

## 9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan dan hutang kepada institusi kewangan bagi membiayai pelaburan. Pada tahun 2022, baki Hutang Awam menurun sebanyak RM2.199 bilion atau 70.8% menjadi RM908.99 juta berbanding RM3.108 bilion pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan oleh hapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar sebanyak RM1.003 bilion dan pengambilalihan pinjaman Kerajaan Negeri oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) di bawah Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air berjumlah RM1.079 bilion. Selain itu, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan hapus kira bagi dua Projek Pelbagai berjumlah RM220.67 juta.

9.3.2. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sebanyak RM22.25 juta dan Projek Pelbagai berjumlah RM7.81 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membuat bayaran balik hutang kepada institusi kewangan berjumlah RM20 juta. Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**
**BAKI HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI**
**PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | PEMBIAYA/ TUJUAN PINJAMAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| **KERAJAAN PERSEKUTUAN** | | | | | |
| 1. | Projek Bekalan Air | 56.03 | 2,094.51 | (2,038.48) | (97.3) |
| 2. | Projek Perumahan Awam Kos Rendah | 283.69 | 283.69 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | 88.70 | 110.95 | (22.25) | (20.1) |
| 4. | Projek Pelbagai | 480.57 | 599.10 | (118.53) | (19.8) |
| **JUMLAH** | | **908.99** | **3,088.25** | **(2,179.26)** | **(70.6)** |
| **INSTITUSI KEWANGAN** | | **0.00** | **20.00** | **(20.00)** | **(100.0)** |
| **JUMLAH HUTANG AWAM** | | **908.99** | **3,108.25** | **(2,199.26)** | **(70.8)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

### 9.3.3. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik Hutang Awam termasuk faedah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM224.83 juta iaitu menurun sebanyak RM1.216 bilion atau 84.4% berbanding RM1.441 bilion pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan hapus kira pinjaman Bekalan Air dan dua Projek Pelbagai serta bayaran balik pinjaman termasuk faedah bagi pinjaman Projek PKEN dan Projek Pelbagai. Tiada perubahan tunggakan bayaran balik hutang bagi Projek

Perumahan Awam Kos Rendah bagi tahun 2022. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**
**HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Projek Bekalan Air | 0.00 | 1,134.29 | (1,134.29) | (100.0) |
| 2. | Projek Perumahan Awam Kos Rendah | 150.07 | 150.07 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | 37.78 | 62.24 | (24.46) | (39.3) |
| 4. | Projek Pelbagai | 36.98 | 94.07 | (57.09) | (60.7) |
| **JUMLAH** | | **224.83** | **1,440.67** | **(1,215.84)** | **(84.4)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

## 9.4. Pelbagai Liabiliti

9.4.1. Berdasarkan kepada Penyata Akaun Memorandum Perenggan 6.2.2 Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 8, Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat.

9.4.2. Pada tahun 2022, baki Nota Kena Bayar (Perjanjian Penyelesaian) berjumlah RM175.65 juta iaitu menurun sebanyak RM100 juta atau 36.3% berbanding RM275.65 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan bayaran sebanyak RM100 juta kepada kontraktor kerana kegagalan pihak Kerajaan Negeri memenuhi perjanjian yang ditetapkan.

9.4.3. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **baki perjanjian penyelesaian pada Penyata Akaun Memorandum dan Nota 9 Memorandum Liabiliti di bawah Pelbagai Liabiliti telah terlebih nyata berjumlah RM8.33 juta. Baki yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah berjumlah RM175.65 juta dan baki yang sepatutnya dinyatakan dalam penyata kewangan adalah berjumlah RM167.32 juta.**

**Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada 8 September 2023**

Nota 9 Memorandum Liabiliti di bawah Pelbagai Liabiliti berjumlah RM175.65 juta yang dinyatakan tidak mengambil kira bayaran terdahulu bulan Januari 2023 yang telah dilakukan pada bulan Disember 2022, baki mengikut asas tunai sepatutnya RM167.32 juta.

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

### 10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam AP 89A dan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6. ABT dikategorikan kepada Hasil, Pinjaman dan Hutang-hutang Lain. Pada tahun 2022, ABT Kerajaan Negeri telah menurun sebanyak RM627 juta atau 55.6% menjadi RM500.79 juta pada akhir tahun 2022 berbanding RM1.128 bilion pada akhir tahun 2021. Penurunan ketara ini disebabkan oleh pelarasan kadar cukai setelah permohonan penetapan kategori daripada 'Nil' atau 'tiada' kepada suatu kategori yang telah diluluskan, bayaran balik tunggakan cukai tanah dan hapus kira tunggakan cukai tanah. Butiran yang mencatatkan penurunan melibatkan tunggakan cukai tanah sebanyak RM627.44 juta (56.5%), ansuran/sewa rumah kos rendah sebanyak RM1.01 juta (11.2%) dan Pinjaman Ternakan Haiwan sebanyak RM0.22 juta (5%). Tunggakan hasil lain pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.67 juta (47.3%). Kedudukan baki ABT pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA**
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

| BIL. | BUTIRAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Cukai Tanah | 483.40 | 1,110.84 | (627.44) | (56.5) |
| 2. | Ansuran/Sewa Rumah Kos Rendah | 8.04 | 9.05 | (1.01) | (11.2) |
| 3. | Pinjaman Ternakan Haiwan | 4.15 | 4.37 | (0.22) | (5.0) |
| 4. | Hasil Lain | 5.20 | 3.53 | 1.67 | 47.3 |
| | **JUMLAH** | **500.79** | **1,127.79** | **(627.00)** | **(55.6)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

10.1.2. Lima Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**
**AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI BAGI LIMA JABATAN**
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | JABATAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan | 208.83 | 340.57 | (131.74) | (38.7) |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Bentong | 162.02 | 268.54 | (106.52) | (39.7) |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh | 37.36 | 118.45 | (81.09) | (68.5) |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut | 21.38 | 104.42 | (83.04) | (79.5) |
| 5. | Pejabat Daerah dan Tanah Raub | 18.06 | 103.83 | (85.77) | (82.6) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

10.1.3. Tunggakan hasil cukai tanah menurun sebanyak RM627.45 juta atau 56.5% menjadi RM483.39 juta pada tahun 2022 berbanding RM1.111 bilion pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**
**TUNGGAKAN CUKAI TANAH PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

| BIL. | JABATAN | 2022 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan | 208.78 | 340.52 | (131.74) | (38.7) |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Bentong | 161.93 | 268.46 | (106.53) | (39.7) |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh | 37.34 | 118.41 | (81.07) | (68.5) |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut | 21.34 | 104.38 | (83.04) | (79.6) |
| 5. | Pejabat Daerah dan Tanah Raub | 17.98 | 103.76 | (85.78) | (82.7) |
| 6. | Pejabat Daerah dan Tanah Bera | 10.04 | 117.74 | (107.70) | (91.5) |
| 7. | Pejabat Daerah dan Tanah Rompin | 7.45 | 24.91 | (17.46) | (70.1) |
| 8. | Pejabat Daerah dan Tanah Pekan | 6.92 | 6.20 | 0.72 | 11.6 |
| 9. | Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands | 4.99 | 7.76 | (2.77) | (35.7) |
| 10. | Pejabat Daerah dan Tanah Maran | 4.52 | 12.32 | (7.80) | (63.3) |
| 11. | Pejabat Daerah dan Tanah Lipis | 2.10 | 6.38 | (4.28) | (67.1) |
| **JUMLAH** | | **483.39** | **1,110.84** | **(627.45)** | **(56.5)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022 dan 2021

10.1.4. Seksyen 6(1) Akta Had Masa 1953 (Akta 254) menjelaskan tempoh untuk mengambil tindakan sebelum terakrunya hutang bagi kontrak adalah selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh tindakan itu terakru. **Berdasarkan keseluruhan ABT yang direkodkan, sejumlah RM28.05 juta (5.6%) merupakan ABT yang telah melebihi tempoh enam tahun (72 bulan) iaitu melibatkan 15 PTJ.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**
**ANALISIS AKAUN BELUM TERIMA MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN**

| BIL. | BUTIRAN | AMAUN (RM Juta) | (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Hingga enam (6) bulan | 67.17 | 13.4 |
| 2. | Lebih dari enam (6) bulan hingga dua belas (12) bulan | 94.53 | 18.9 |
| 3. | Lebih dari dua belas (12) bulan hingga tiga puluh enam (36) bulan | 239.41 | 47.8 |
| 4. | Lebih tiga puluh enam (36) bulan hingga tujuh puluh dua (72) bulan | 71.63 | 14.3 |
| **JUMLAH** | | **472.74** | **94.4** |
| 5. | Lebih tujuh puluh dua (72) bulan hingga seratus dua puluh (120) bulan | 13.38 | 2.7 |
| 6. | Lebih dari seratus dua puluh (120) bulan | 14.67 | 2.9 |
| **JUMLAH** | | **28.05** | **5.6** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **500.79** | **100.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022

10.1.5. Analisis selanjutnya mendapati Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Raub, PDT Bentong, PDT Temerloh dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang mempunyai ABT melebihi tempoh enam tahun yang tertinggi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**
**ANALISIS AKAUN BELUM TERIMA MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN**

| BIL. | JABATAN | AKAUN BELUM TERIMA | | |
|---|---|---|---|---|
| | | KESELURUHAN | MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN | |
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Raub | 18.06 | 5.96 | 33.0 |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Bentong | 162.02 | 5.15 | 3.2 |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh | 37.36 | 4.16 | 11.1 |
| 4. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang | 4.15 | 4.15 | 100 |
| 5. | Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut | 21.38 | 2.43 | 11.4 |
| 6. | Pejabat Daerah dan Tanah Maran | 4.58 | 2.09 | 45.6 |
| 7. | Pejabat Daerah dan Tanah Pekan | 6.98 | 1.81 | 25.9 |
| 8. | Pejabat Daerah dan Tanah Rompin | 7.55 | 0.75 | 9.9 |
| 9. | Jabatan Pertanian Negeri Pahang | 0.71 | 0.70 | 98.6 |
| 10. | Lain-lain Jabatan * | 238.00 | 0.85 | 0.4 |
| **JUMLAH** | | **500.79** | **28.05** | **5.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022
Nota : Lain-lain Jabatan melibatkan 6 PTJ bagi amaun ABT kurang daripada RM0.5 juta yang melebihi tempoh enam tahun.

## Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada 27 Julai 2023

Unit Ketirisan Hasil, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah melaksanakan *profiling* hak milik kepada lima fasa bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tindakan

di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) seluruh Negeri Pahang untuk mengutip tunggakan cukai tanah seperti berikut:

1. Fasa 9 : Agensi Kerajaan, Institusi, S-GLC, Kerabat, Parti Politik;
2. Fasa 10 : Tunggakan melebihi RM 1 juta;
3. Fasa 11: Tunggakan di antara RM100,000 sehingga RM999,999;
4. Fasa 12 : Tunggakan kurang dari RM100,000 (syarikat sahaja); dan
5. PTP : Tunggakan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

Setiap PDT telah diarahkan untuk mengeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan Cukai Tanah (Notis 6A), sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 97 Kanun Tanah Negara kepada hakmilik bertunggakan seperti kriteria ditetapkan. Seterusnya, Notis Perampasan Tanah (Notis 8A) menurut Seksyen 130 kanun Tanah Negara akan dikeluarkan kepada hakmilik yang masih tidak menjelaskan Notis 6A selepas tempoh tiga bulan. Unit Ketirisan Hasil sentiasa melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan PDT mengambil tindakan menurut Undang-undang yang berkuat kuasa.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang dan Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah mengeluarkan *Letter of Demand* pada tahun 2023.

#### 10.1.6. Akaun Belum Terima Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan PKPN Terkurang Rekod

a. Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

b. Pihak Audit mendapati **ABT JAIP telah terkurang rekod sejumlah RM192,242.14 kerana JAIP tidak mengambil kira Tunggakan Hasil Berdasarkan Pengauditan Pematuhan Pengurusan Pembayaran Elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain. Selain itu, ABT PKPN bagi Kumpulan Wang Amanah (KWA) Pembelian Lot-Lot Komersial Kuota Bumiputera telah terkurang rekod sejumlah RM2,900 kerana PKPN tidak mengambil kira tunggakan sewa bagi bulan November 2020**.

**Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada 27 Julai 2023**

Pembetulan telah dibuat oleh JAIP terhadap ABT yang terkurang rekod berjumlah RM164,116.60 menjadikan ABT JAIP yang terkini adalah berjumlah RM0.82 juta. Pembetulan juga telah dibuat oleh PKPN bagi ABT yang terkurang rekod sebanyak RM2,900 yang melibatkan KWA Pembelian Lot-Lot Komersial Kuota Bumiputera menjadikan ABT PKPN yang terkini adalah berjumlah RM2.85 juta.

10.1.7. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.72 juta tunggakan hasil atau ABT yang tidak boleh didapatkan di bawah Arahan Perbendaharaan 328(a) telah dihapus kira melibatkan empat PDT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya. Tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan untuk hapus kira akan diperakukan terlebih dahulu oleh Pegawai Daerah dan Tanah serta Pegawai Kewangan Negeri, seterusnya diangkat untuk kelulusan YAB Menteri Besar.

10.1.8. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua tunggakan hasil yang dihapus kira dalam tahun kewangan 2022 telah mendapat kelulusan YAB Menteri Besar. Hapus kira bagi tunggakan hasil Cukai Tanah dibuat selepas perintah perampasan dan tanah menjadi hak milik Pihak Berkuasa Negeri serta akaun Cukai Tanah telah dibatalkan dalam Sistem Hasil Tanah Berkomputer selepas kelulusan hapus kira tersebut. Selain itu, hapus kira ABT pada tahun 2022 juga melibatkan tunggakan sewa rumah Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan bayaran balik emolumen. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**
**HAPUS KIRA TUNGGAKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2022**

| BIL. | BUTIRAN | JENIS HAPUS KIRA | TARIKH KELULUSAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Pekan | Tunggakan hasil cukai tanah | 19.01.2022<br>08.06.2022 | 68,925.90 |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Lipis | Tunggakan hasil cukai tanah | 08.06.2022<br>05.08.2022 | 149,271.00 |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Raub | Tunggakan hasil cukai tanah | 08.06.2022<br>05.08.2022<br>08.09.2022 | 406,363.40 |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Bentong | Tunggakan hasil cukai tanah | 08.09.2022 | 59,556.00 |
| 5. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang | Sewa Rumah PAKR | 24.08.2022 | 14,400.00 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang | Tunggakan Bayaran Balik Emolumen | 03.01.2022 | 22,022.10 |
| **JUMLAH** | | | | **720,538.40** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022

## 11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2022 adalah kukuh berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri berjumlah RM750.55 juta pada akhir tahun 2022 berbanding RM640.95 juta pada akhir tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM109.60 juta atau 17.1%;

11.2. baki pelaburan di Penyata Kedudukan Kewangan meningkat sebanyak RM60 juta atau 17% menjadi RM412.19 juta pada tahun 2022 berbanding RM352.19 juta pada tahun 2021;

11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM92.80 juta pada tahun 2022;

11.4. kutipan hasil meningkat sebanyak RM422.04 juta atau 48.7% pada tahun 2022 menjadi RM1.288 bilion berbanding RM865.99 juta pada tahun 2021; dan

11.5. Kerajaan Negeri membuat bayaran balik Hutang Awam sebanyak RM50.06 juta pada tahun 2022.

## 12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

12.1. membuat perancangan supaya Kumpulan Wang Amanah diurus dengan baik, iaitu sentiasa berbaki kredit;

12.2. memastikan semakan terhadap status deposit bagi tahun 1989 sehingga 2021 melibatkan semua PTJ yang tidak dituntut sama ada masih lagi diperlukan. Sekiranya tidak diperlukan deposit berkenaan hendaklah diwartakan; dan

12.3. memastikan tindakan telah diambil oleh semua PTJ terhadap ABT yang melebihi tempoh enam tahun.

# BAHAGIAN III

## Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pahang

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PAHANG

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

**Apa yang ditemui Audit?**

- Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 21 agensi negeri tersebut, 16 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2023. Bagaimanapun, dua penyata kewangan yang dikemukakan tidak lengkap iaitu bagi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kedua-dua penyata kewangan tersebut dikembalikan untuk pindaan dan telah dikemukakan semula kepada pihak Audit selepas 30 April 2023.

- Terdapat lima agensi negeri yang mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Bandaraya Kuantan. Tiga agensi negeri iaitu

Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan telah mendapat kelulusan lanjutan tempoh penyerahan. Baki dua agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Perbandaran Temerloh tidak memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

- Setakat 31 Ogos 2023, tiga penyata kewangan BBN telah disahkan. Tujuh penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

**Apa yang disyorkan Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan.

- Agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PAHANG

### FAKTA UTAMA

| PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022 | Bilangan Agensi Negeri | | 21 Akaun Agensi | |
|---|---|---|---|---|
| | **10** | Badan Berkanun Negeri | **3** | Pendapat Tanpa Teguran |
| | **11** | Pihak Berkuasa Tempatan | **18** | Belum Disahkan |

### 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

### 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2022 terdiri daripada 10 BBN dan 11 PBT. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri. PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN dan satu PBT manakala baki 17 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

## 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 21 agensi negeri tersebut, 16 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2023. Bagaimanapun, dua penyata kewangan yang dikemukakan tidak lengkap iaitu bagi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kedua-dua penyata kewangan tersebut dikembalikan untuk pindaan dan telah dikemukakan semula kepada pihak Audit selepas 30 April 2023.

3.2. Terdapat lima agensi negeri yang mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Bandaraya Kuantan. Tiga agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan telah mendapat kelulusan lanjutan tempoh penyerahan. Baki dua agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Perbandaran Temerloh tidak memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2022 oleh agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Majlis Sukan Pahang | 10.04.2023 |
| 2. | Yayasan Pahang | 20.04.2023 |
| 3. | Perbadanan Stadium Darul Makmur | 20.04.2023 |
| 4. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | 28.04.2023 |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|---|---|---|
| 5. | Lembaga Pembangunan Tioman | 28.04.2023 |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser | 08.05.2023 |
| 7. | Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang | 11.05.2023 |
| 8. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang | 12.05.2023 |
| 9. | Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands | 24.05.2023 |
| 10. | Perbadanan Muzium Negeri Pahang | 24.05.2023 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Daerah Bera | 18.04.2023 |
| 2. | Majlis Daerah Cameron Highlands | 25.04.2023 |
| 3. | Majlis Perbandaran Bentong | 28.04.2023 |
| 4. | Majlis Daerah Jerantut | 28.04.2023 |
| 5. | Majlis Daerah Maran | 28.04.2023 |
| 6. | Majlis Daerah Raub | 28.04.2023 |
| 7. | Majlis Daerah Rompin | 28.04.2023 |
| 8. | Majlis Daerah Pekan | 28.04.2023 |
| 9. | Majlis Daerah Lipis | 30.04.2023 |
| 10. | Majlis Perbandaran Temerloh | 12.05.2023 |
| 11. | Majlis Bandaraya Kuantan | 28.06.2023 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh diaudit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian

MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Functions Act 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Pemakaian piawaian perakaunan MPSAS telah digunapakai oleh 10 BBN dan 11 PBT bagi penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2022.

## 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### 5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

#### 5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

#### 5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit

Perenggan Perkara Utama Audit merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap

tadbir urus. Perenggan Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

### 5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ia material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) adalah seperti berikut:

#### 5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

#### 5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

#### 5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, tiga penyata kewangan BBN bagi tahun kewangan 2022 telah diaudit dan diberi Pendapat Tanpa Teguran, iaitu Majlis Sukan Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman. Baki tujuh penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2**
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 14 | 13 | 18 | 12 | 3 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 3. | Pendapat Tanpa Teguran dengan dan Perenggan Hal-hal Lain | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| 4. | Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 5. | Pendapat Berteguran | 6 | 7 | 3 | 5 | 0 |
| **JUMLAH** | | **21** | **20** | **21** | **21** | **3*** |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022
Nota: (*) Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 21 agensi negeri bagi tahun 2022 setakat 31 Ogos 2023 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| BIL. | AGENSI | STATUS PENGAUDITAN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Majlis Sukan Pahang | Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara. |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang | |
| 3. | Lembaga Pembangunan Tioman | |
| 4. | Perbadanan Stadium Darul Makmur | Telah selesai Mesyuarat Penutup dan dalam proses pensijilan. |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | |
| 6. | Yayasan Pahang | |
| 7. | Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser | |
| 8. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang | Selesai pengauditan dan dalam proses pensijilan. |
| 9. | Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands | Pengauditan muktamad telah selesai dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Pahang dan dalam proses pensijilan. |
| 10. | Perbadanan Muzium Negeri Pahang | |

| BIL. | AGENSI | STATUS PENGAUDITAN |
|---|---|---|
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Bentong | Telah selesai Mesyuarat Penutup dan dalam proses pensijilan. |
| 2. | Majlis Perbandaran Temerloh | |
| 3. | Majlis Daerah Raub | |
| 4. | Majlis Daerah Lipis | |
| 5. | Majlis Daerah Jerantut | |
| 6. | Majlis Daerah Bera | |
| 7. | Majlis Daerah Cameron Highlands | |
| 8. | Majlis Daerah Maran | |
| 9. | Majlis Daerah Pekan | |
| 10. | Majlis Daerah Rompin | |
| 11. | Majlis Bandaraya Kuantan | Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak FAS. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

5.5.1. Setakat 31 Ogos 2023, tiga penyata kewangan BBN bagi tahun kewangan 2022 telah diaudit dan disahkan, iaitu Majlis Sukan Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan tersebut ialah Pendapat Tanpa Teguran.

## 5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.6.1. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Negeri Pahang Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat (6 Oktober 2022) dan Dewan Negeri Pahang (12 Mei 2023) hanya melaporkan tujuh penyata kewangan agensi negeri yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2022. Penyata Kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Pembangunan Tioman, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Majlis Sukan Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Majlis Daerah Bera, Majlis Daerah Maran dan Majlis Daerah Raub yang telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 14 penyata kewangan agensi negeri lain tidak dilaporkan kerana masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2022.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 21 penyata kewangan tersebut ialah 12 agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; satu agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan

perenggan Penegasan Perkara; dua agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan perenggan Hal-hal Lain dan satu agensi diberikan pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain manakala lima diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi tahun 2021 bagi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara, Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan perenggan Hal-hal Lain, Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain serta Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 4.**

**JADUAL 4**
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA** | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang | i. PKPP mempunyai dua pelaburan yang tidak direkodkan dan dinyatakan dalam penyata kewangan. Pelaburan tersebut merupakan pelaburan dalam syarikat bersekutu, Pahang Coconut Valley Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM510,020 dan pelaburan dalam saham tersiarharga, RGT Berhad yang mempunyai nilai pasaran berjumlah RM718,462.<br>ii. Kos ladang kelapa sawit belum matang RPS Sungai Chalit direkodkan pada nilai RM3,101,451 oleh PKPP tetapi anak syarikat tidak dapat mengenal pasti butiran kos ladang berkenaan. |
| **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA DAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Bentong | **Penegasan Perkara**<br>Nota 3 kepada penyata kewangan berkaitan Urus niaga Bukan Pertukaran Belum Terima - Cukai Taksiran, iaitu laporan pengumuran tidak dapat disediakan bagi baki penghutang cukai taksiran berjumlah RM13,979,181 pada 31 Disember 2021.<br>**Hal-hal Lain**<br>**Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 12 Tahun 2008**<br>Majlis Perbandaran Bentong telah memohon pelanjutan dan Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan permohonan pelanjutan mengemukakan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong sehingga 20 Mei 2022. Bagaimanapun, Majlis Perbandaran Bentong telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 2 Jun 2022 iaitu 13 hari selepas tempoh pelanjutan yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. |
| 2. | Majlis Daerah Rompin | **Penegasan Perkara**<br>Nota 5 kepada penyata kewangan Simpanan Tetap pada 31 Disember 2021 yang berjumlah RM17,530,392. Termasuk dalam jumlah simpanan tetap tersebut adalah sejumlah RM1,500,000 bagi Akaun Kawasan Tinggalan DARA (ECER), manakala Akaun Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dilaporkan tidak berbaki pada tahun 2021 (2020: RM3,354,492). Berdasarkan pengesahan yang diperolehi daripada pihak bank, jumlah sebenar baki simpanan tetap Akaun Kawasan Tinggalan DARA (ECER) pada 31 Disember 2021 adalah RM1,000,000 dan bagi Akaun Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) ialah RM500,000.<br>**Hal-hal Lain**<br>**Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 12 Tahun 2008**<br>Majlis Daerah Rompin telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 3 Jun 2022. Bagaimanapun, permohonan |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| | | pelanjutan mengemukakan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dibuat pada 17 Mei 2022, iaitu selepas surat arahan daripada Pegawai Kewangan Negeri Pahang. |
| **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN** | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands | **Hal-hal Lain**<br><br>Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2021, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2020. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Perbadanan terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands pada 31 Disember 2020, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Aset Bersih Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 dan pendedahan berkaitan. Juruaudit tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab Juruaudit sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Perbadanan Cameron Highlands bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2021 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. |
| **PENDAPAT BERTEGURAN** | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | Merujuk kepada Nota 9 kepada penyata kewangan, pelaburan saham tak tersiarharga pada tahun 2021 berjumlah RM55,795,927. Sebahagiannya merupakan kos pelaburan dalam syarikat Tioman Island Resort Berhad dengan pegangan saham berjumlah RM22,550,004 atau 13.75% dan di syarikat Lanjut Golf Resorts Sdn. Bhd. berjumlah RM1,275,000 atau 15%.<br><br>Nilai aset ketara bersih bagi kedua-dua syarikat pada 31 Disember 2021 adalah sejumlah RM95,152,164 dan RM1,001,478. Perkara ini menjadikan nilai aset ketara bersih mengikut pegangan saham Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berjumlah RM13,083,423 dan RM150,222. Oleh itu, kos pelaburan adalah lebih tinggi berbanding nilai aset ketara bersih mengikut pegangan saham Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Hal ini menyebabkan peruntukan rosot nilai sejumlah RM10,591,357, iaitu RM9,466,580 bagi Tioman Island Resort Berhad dan RM1,124,777 bagi Lanjut Golf Resorts Sdn. Bhd. perlu dibuat bagi pelaburan tersebut selaras dengan MPSAS 29 - Instrumen Kewangan. Bagaimanapun, tiada peruntukan rosot nilai dibuat bagi pelaburan tersebut. |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser | **Lain-Lain Pendapatan**<br><br>Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser telah mengambil kira pencairan simpanan tetap MBSB berjumlah RM411,224 sebagai terimaan lain-lain pendapatan menyebabkan lain-lain pendapatan terlebih nyata.<br><br>**Perbelanjaan Promosi**<br><br>Perbelanjaan promosi telah terkurang nyata sejumlah RM100,000 disebabkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser hanya mengambilkira perbelanjaan tersebut berjumlah RM239,422 manakala invois belian daripada Hoka Resources Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM339,422. |
| 3. | Perbadanan Muzium Negeri Pahang | **Projek, Bangunan dan Tanah Tidak Direkodkan - RM6,204,246**<br><br>Sebanyak lima projek/bangunan dan dua bidang tanah tidak dilaporkan dalam senarai hartanah, loji dan peralatan. Berdasarkan data yang diperoleh bagi tiga projek tersebut, nilai kos projek pada awal agihan peruntukan adalah berjumlah RM6,204,246. Perkara ini menunjukkan |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
| --- | --- | --- |
| | | aset Perbadanan Muzium Negeri Pahang telah terkurang nyata sekurang-kurangnya sejumlah RM6,204,246.<br><br>**Aset Dalam Pembinaan Tidak Direkodkan - RM2,002,744**<br><br>Laporan perbelanjaan Unit Pembangunan Perbadanan Muzium Negeri Pahang merekodkan tiga projek sedang dalam pelaksanaan dan bayaran interim bagi juru perunding dan bayaran kemajuan kerja telah selesai dibuat setakat 31 Disember 2021. Bagaimanapun, pembayaran tersebut tidak diakaunkan sebagai aset dalam pembinaan dalam Penyata Kewangan Tahun 2021 menyebabkan aset terkurang nyata sejumlah RM2,002,744.<br><br>**Perbelanjaan Tahun Semasa Tidak Diakrukan - RM289,359**<br><br>11 sampel baucar bayaran yang dikeluarkan pada bulan Januari 2022 berjumlah RM289,359 merupakan pembayaran bagi perbelanjaan yang dilakukan pada tahun 2021 tetapi tidak diambil kira dalam penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2021. Perkara ini berlaku kerana Perbadanan Muzium Negeri Pahang tidak mengakrukan perbelanjaan pada tahun semasa yang belum dibuat bayaran sebaliknya direkod sebagai perbelanjaan bagi tahun 2022. Ini menyebabkan amaun Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru terkurang nyata berjumlah RM289,359. |
| 4. | Majlis Daerah Pekan | **a. Wang Tunai dan Baki di Bank**<br><br>i. Penyata penyesuaian bank yang disediakan oleh Majlis Daerah Pekan adalah tidak tepat disebabkan terdapat transaksi terimaan dan perbelanjaan yang belum diambil kira berjumlah RM336,092 ke dalam penyata kewangan.<br>ii. Perbelanjaan berjumlah RM441,793 yang telah ditunaikan masih dinyatakan dalam penyata penyesuaian bank sebagai cek-cek yang belum ditunaikan.<br>iii. Jumlah terimaan yang ditunaikan berjumlah RM77,818 di dalam penyata penyesuaian bank yang disediakan oleh Majlis Daerah Pekan tidak dapat dikenal pasti.<br>iv. Baki di penyata penyesuaian bank bagi akaun Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Akaun Kelab Golf) yang disediakan oleh pihak Majlis berbeza dengan baki buku tunai berjumlah RM375,569.<br><br>**b. Aset Infrastruktur**<br><br>Majlis Daerah Pekan telah membuat pelarasan terhadap baki awal aset infrastruktur dengan mengeluarkan keseluruhan baki tersebut dan mengambil kira jumlah keseluruhan pengiraan semula sebagai tambahan dalam tahun semasa. Kaedah perekodan pelarasan tersebut menyebabkan nilai aset infrastruktur Majlis Daerah Pekan tidak dinyatakan dengan benar dan saksama melibatkan sejumlah RM14,398,843.<br><br>**c. Peruntukan Manfaat Kakitangan**<br><br>Majlis Daerah Pekan telah membuat pengiraan semula bagi peruntukan manfaat kakitangan dan telah membuat pelarasan lebihan peruntukan bagi tahun 2019 hingga 2021 berjumlah RM737,369 ke dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai terimaan dalam tahun semasa. Majlis Daerah Pekan sepatutnya mengambil kira lebihan peruntukan tahun sebelumnya iaitu tahun 2019 dan 2020 yang berjumlah RM721,523 sebagai pelarasan tahun lepas. Perkara ini menyebabkan lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan tahun semasa terlebih nyata sejumlah RM721,523. |
| 5. | Majlis Bandaraya Kuantan | **Hartanah, Loji dan Peralatan**<br><br>Berdasarkan semakan fizikal terhadap tanah pajakan milik Majlis Bandaraya Kuantan, sebahagian tanah berkeluasan 11,247 meter persegi telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk digunakan bagi projek laluan rel pantai timur dengan pampasan berjumlah RM2,319,678. Namun, pihak Majlis Bandaraya Kuantan tidak merekod pelupusan bagi tanah yang terlibat dan pampasan belum terima dalam tahun semasa. Ini menyebabkan kos dan susut nilai hartanah, loji dan peralatan bagi tanah pajakan terlebih nyata. |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| | | **Aset Tak Ketara**<br><br>Majlis Bandaraya Kuantan telah merekod bayaran berperingkat bagi pembangunan sistem ARIS berjumlah RM1,531,156 setakat 31 Disember 2021 sebagai belanja tahun semasa dan tidak mempermodalkan kos tersebut sebagai kerja dalam kemajuan aset tak ketara.<br><br>**Geran Tertunda**<br><br>i. Pelunasan Geran Tertunda<br><br>Pihak Majlis Bandaraya Kuantan tidak membuat pelunasan ke atas geran yang telah memenuhi syarat berjumlah RM10,245,815. Ini menyebabkan perbelanjaan dan hasil urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf terkurang nyata dengan jumlah tersebut.<br><br>ii. Projek Belum Siap Tidak Diiktiraf Sebagai Kerja Dalam Kemajuan<br><br>Setakat 31 Disember 2021, terdapat empat projek geran Persekutuan yang belum siap sepenuhnya tetapi tidak direkodkan sebagai kerja dalam kemajuan oleh Majlis Bandaraya Kuantan. Ini menyebabkan kerja dalam kemajuan dan hasil urus niaga bukan pertukaran telah terkurang nyata dengan jumlah tersebut.<br><br>**Hasil dan Perbelanjaan**<br><br>Sampel hasil dan perbelanjaan yang dipilih masing-masing berjumlah RM13,543,631 dan RM3,689,734 tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang lengkap tidak dikemukakan sepanjang pengauditan dijalankan. |

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.

6.2. Sebanyak 17 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 yang telah disahkan di Dewan Negeri Pahang. Tarikh pembentangan bagi 17 penyata kewangan agensi tersebut seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5**
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI PAHANG SETAKAT 31 OGOS 2023**

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Perbadanan Stadium Darul Makmur | 13.10.2022 |
| 2. | Yayasan Pahang | 13.10.2022 |
| 3. | Majlis Sukan Pahang | 13.10.2022 |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG |
|---|---|---|
| 4. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang | 13.10.2022 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | 12.05.2023 |
| 6. | Lembaga Pembangunan Tioman | 12.05.2023 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Daerah Bera | 12.05.2023 |
| 2. | Majlis Daerah Maran | 12.05.2023 |
| 3. | Majlis Daerah Raub | 12.05.2023 |
| 4. | Majlis Perbandaran Temerloh | 12.05.2023 |
| 5. | Majlis Daerah Cameron Highlands | 12.05.2023 |
| 6. | Majlis Daerah Pekan | 12.05.2023 |
| 7. | Majlis Daerah Jerantut | 12.05.2023 |
| 8. | Majlis Daerah Lipis | 12.05.2023 |
| 9. | Majlis Perbandaran Bentong | 12.05.2023 |
| 10. | Majlis Bandaraya Kuantan | 12.05.2023 |
| 11. | Majlis Daerah Rompin | 12.05.2023 |

Sumber: Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Keempat Belas Tahun 2022 dan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Kelima Belas Tahun 2023

## 7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023, hanya tiga penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan, 17 penyata kewangan dalam proses pensijilan dan satu penyata kewangan sedang diaudit.

## 8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

# BAHAGIAN IV

## Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang

# BAHAGIAN IV

## PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PAHANG

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap Kutipan Hasil Sewaan di Majlis Perbandaran Temerloh (MPT).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada proses kutipan hasil sewaan diuruskan dengan teratur mengikut undang-undang, peraturan dan perjanjian sewaan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Dua atau 2.2% daripada 93 sampel fail penyewa kadar sewaan bulanan bagi dua gerai di Jalan Tok Muda Awang Ngah terkurang kutip berjumlah RM12,400.

**Apa yang disyorkan Audit?**

- MPT perlu mengambil tindakan seperti berikut:

  - mewujudkan proses kerja di Jabatan Teknologi Maklumat MPT berkaitan penyelenggaraan maklumat sewaan dalam Sistem Bersepadu Majlis (SBM);
  - memastikan peraturan, arahan, proses kerja, perjanjian sewaan dan surat kenaikan kadar sewaan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi; dan
  - menambah bilangan pegawai MPT yang dibenarkan untuk menguruskan maklumat dan kadar sewaan dalam SBM.

# PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PAHANG

## PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan Profil Risiko (Risk Profiling) yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2022, pengauditan pematuhan jabatan/agensi dilaksanakan terhadap lima jabatan/agensi negeri iaitu di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang, Majlis Perbandaran Temerloh (MPT), Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF), Majlis Sukan Pahang (MSP) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH).

3. Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut, hanya satu yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**TAJUK PENGAUDITAN PEMATUHAN**

| BIL. | TAJUK PEMATUHAN | AGENSI NEGERI |
|---|---|---|
| 1. | Kutipan Hasil Sewaan | Majlis Perbandaran Temerloh |

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. Pengauditan pematuhan agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

# MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

- Kutipan Hasil Sewaan

### OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada proses kutipan hasil sewaan diuruskan dengan teratur mengikut undang-undang, peraturan dan perjanjian sewaan yang berkuat kuasa.

### APA YANG SEPATUTNYA

Kadar sewaan bulanan gerai dinaikkan mengikut kadar yang ditetapkan.

### APA YANG BERLAKU

**RM12,400**

Kadar sewaan bulanan gerai terkurang kutip.

**KERUGIAN HASIL RM12,400**

### RUMUSAN AUDIT

Kelemahan sistem/prosedur kerja menyebabkan MPT kerugian hasil.

**3 SYOR AUDIT**

# MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

## 1. KUTIPAN HASIL SEWAAN

**FAKTA UTAMA**

| Jumlah keseluruhan kutipan hasil sewaan **RM1.81 Juta** | | |
|---|---|---|
| **RM1.45 Juta** Sewaan bangunan perniagaan | **RM261,252** Sewaan dewan/bilik mesyuarat/padang/gelanggang | **RM99,611** Lain-lain sewaan |

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) bertanggungjawab memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial. MPT juga mengenakan cukai taksiran kepada pemilik harta, mengenakan sewa ke atas premis-premis MPT dan mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi MPT.

1.2. Berdasarkan Seksyen 39 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), maksud hasil adalah semua sewa, cukai, kadar, bayaran lesen, dius dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan. Kutipan hasil sewaan di MPT terdiri daripada sewaan bangunan perniagaan, dewan/bilik mesyuarat, padang/gelanggang dan lain-lain sewaan. Maklumat kutipan hasil sewaan MPT bagi tahun 2022 seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**KUTIPAN HASIL SEWAAN MPT BAGI TAHUN 2022**

| BIL. | HASIL SEWAAN | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Bangunan Perniagaan | 1,445,868 |
| 2. | Dewan/Bilik Mesyuarat/Padang/Gelanggang | 261,252 |
| 3. | Lain-lain Hasil Sewaan | 99,611 |
| **JUMLAH** | | **1,806,731** |

Sumber : Majlis Perbandaran Temerloh

1.3. Kutipan hasil sewaan MPT yang tertinggi adalah sewaan bangunan perniagaan berjumlah RM1.45 juta atau 80.1% daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil sewaan. Hasil sewaan bangunan perniagaan terdiri daripada bangunan kedai, rumah rehat, gerai

dan kaunter tiket bas. MPT menggunakan Sistem Bersepadu Majlis (SBM) bagi mengakaunkan atau menguruskan maklumat kutipan hasil sewaan bangunan perniagaan. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), MPT merupakan jabatan yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan dan menyelia berkaitan dengan sewaan bangunan perniagaan.

1.4. JPPH akan membuat semakan secara fizikal terhadap premis bangunan perniagaan bagi mendapatkan keluasan premis. Kemudian JPPH akan membuat pengiraan kadar sewa bulanan bagi premis dan cadangan kadar sewa bulanan tersebut akan diangkat untuk kelulusan dalam Mesyuarat Pengurusan MPT.

1.5. Setelah kadar sewa bulanan diluluskan, JPPH akan mengeluarkan surat makluman kadar sewa bulanan premis kepada penyewa dan disalinkan kepada Jabatan Teknologi Maklumat, MPT yang akan mengemas kini maklumat kadar sewa bulanan premis dalam SBM. Jabatan Teknologi Maklumat perlu memastikan maklumat sewa bulanan premis dalam bil sewaan merupakan kadar sewa bulanan yang diluluskan sebelum Jabatan Kewangan mencetak dan menghantar bil sewaan bulanan kepada penyewa.

1.6. Secara ringkasnya carta alir bagi proses kerja kutipan hasil sewaan premis bangunan seperti dalam **Rajah 1.**

**RAJAH 1**
**CARTA ALIR PROSES KERJA KUTIPAN HASIL SEWAAN PREMIS BANGUNAN**

| | |
|---|---|
| JPPH | • Semakan fizikal premis untuk mendapatkan keluasan premis. |
| JPPH | • Pengiraan kadar sewa bulanan premis. |
| JPPH | • Cadangan kadar sewa bulanan premis diangkat untuk kelulusan dalam Mesyuarat Pengurusan. |
| JPPH | • Mengeluarkan surat makluman kadar sewa bulanan premis kepada penyewa dan disalinkan kepada Jabatan Teknologi Maklumat setelah diluluskan. |
| Jabatan Teknologi Maklumat | • Mengemaskini maklumat kadar sewa bulanan premis dalam SBM. |
| Jabatan Teknologi Maklumat | • Memastikan kadar sewa bulanan premis dalam bil sewaan adalah tepat selepas diluluskan. |
| Jabatan Kewangan | • Mencetak bil daripada SBM. |
| Jabatan Kewangan | • Menghantar bil bulanan kepada penyewa secara pos. |
| Jabatan Kewangan | • Mengeluarkan resit terimaan setelah menerima bayaran sewaan. |

Sumber : Majlis Perbandaran Temerloh dan Jabatan Audit Negara

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada proses kutipan hasil sewaan diuruskan dengan teratur mengikut undang-undang, peraturan dan perjanjian sewaan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini telah dilaksanakan di MPT melibatkan JPPH, Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat terhadap pengurusan kutipan hasil sewaan untuk tahun 2022. Sampel Audit dipilih untuk tempoh bulan Januari hingga September 2022 dan semakan dibuat terhadap 93 atau 17.2% sampel fail penyewa daripada 541 fail penyewa bagi sewaan bangunan perniagaan. Sampel ini dipilih berdasarkan bangunan perniagaan berada berdekatan dalam kawasan bandar Temerloh.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan meneliti peraturan kewangan, perjanjian sewaan, surat arahan bertulis kepada penyewa, prosedur kerja dan memeriksa rekod serta dokumen berkaitan kutipan bagi tempoh kewangan yang telah ditetapkan. Lawatan fizikal ke atas 14 sampel kedai dan gerai telah dijalankan pada 21 Oktober 2022 untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada proses semakan. Di samping itu, sesi temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat turut diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai pada 17 hingga 21 Oktober 2022. Maklum balas daripada MPT telah diterima pada 20 Mac 2023 dan 8 September 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 3 Mac 2023. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti perenggan berikut:

### 4.1. Kadar Sewa Bulanan Gerai di Jalan Tok Muda Awang Ngah, Temerloh Terkurang Kutip

4.1.1. Seksyen 36 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menetapkan pihak berkuasa tempatan boleh membuat kontrak yang perlu untuk menyempurnakan mana-mana daripada tugasnya.

4.1.2. Perenggan 10.3, Pekeliling Perbendaharaan PS 6.1 Garis Panduan Pemantapan Penubuhan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menjelaskan antara tanggungjawab pemegang waran peruntukan/ketua jabatan/pemungut ialah mewujudkan sistem/prosedur yang teratur, kawalan dalaman yang berkesan dan membuat pemantauan ini bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan PTJ/ pejabat pemungut (PP) berada pada tahap tadbir urus terbaik dan mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan, ketirisan dan kehilangan aset dan Wang Awam. Perenggan 9.6 pekeliling yang sama turut menjelaskan Pegawai Pengawal perlu memastikan pelaksanaan tugas kewangan dan perakaunan di PTJ/PP mengambil kira perkara-perkara berikut:

a. pengasingan tugas bagi tujuan kawalan mengikut peraturan;

b. konsep *multitasking* dan *multiskilling* selaras dengan dasar perkhidmatan awam kejat; dan

c. pegawai yang kompeten dan berintegriti bagi mengelakkan penyelewengan, ketirisan dan kehilangan aset dan Wang Awam.

4.1.3. Perjanjian Sewaan antara MPT dengan penyewa gerai di Jalan Tok Muda Awang Ngah, Sub Fasal 4(e) pula menetapkan MPT boleh menurunkan atau menaikkan kadar sewa bulanan premis dengan memberikan notis bertulis kepada penyewa.

4.1.4. Semakan Audit mendapati kadar sewa bulanan bagi 91 atau 97.8% daripada 93 sampel fail penyewa adalah mengikut kadar sewa bulanan yang telah ditetapkan oleh MPT seperti dalam perjanjian sewaan atau surat kenaikan kadar sewa bulanan yang dikeluarkan oleh MPT.

4.1.5. Walau bagaimanapun, semakan Audit terhadap baki dua atau 2.2% daripada 93 sampel fail penyewa tersebut mendapati **kadar sewaan bulanan bagi dua gerai di Jalan Tok Muda Awang Ngah terkurang kutip berjumlah RM12,400.** Hal ini disebabkan MPT tidak mengambil kira kenaikan sewaan daripada RM350 kepada RM650 dan RM250 kepada RM350. MPT telah memutuskan untuk menaikkan kadar sewa bulanan gerai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 berdasarkan Surat Kenaikan Kadar Sewa Bulanan Gerai di Jalan Tok Muda Awang Ngah, Temerloh bertarikh 21 Disember 2020. Kenaikan kadar sewa bulanan tersebut disebabkan penyewa telah membuat tambahan binaan terhadap ruang gerai tanpa mendapatkan kelulusan MPT. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**KADAR SEWA BULANAN GERAI TERKURANG KUTIP**
**DI GERAI JALAN TOK MUDA AWANG NGAH**

| NO. AKAUN PENYEWA / NO. GERAI | SEWA BULANAN SEMASA YANG DIKENAKAN (RM) (A) | SEWA BULANAN SEPATUTNYA SELEPAS KADAR DINAIKKAN (RM) (B) | SEWA BULANAN YANG TIDAK DINAIKKAN (RM) (C=B-A) | TEMPOH KADAR SEWA YANG TIDAK DINAIKKAN (BULAN) (D) | DISKAUN 50% SEWA (RM) (E=CX50% X4 BULAN)** | JUMLAH SEWA YANG TERKURANG KUTIP (RM) [(CxD)-E] |
|---|---|---|---|---|---|---|
| SW1200001116 / Gerai No. 1 | 350 | 650 | 300 | *33 | 600 | 9,300 |
| SW1200000101 / Gerai No. 4 | 250 | 350 | 100 | *33 | 200 | 3,100 |
| **JUMLAH** | | | | | | **12,400** |

Sumber : Majlis Perbandaran Temerloh
Nota : (*) – Tempoh daripada tarikh kuat kuasa pada 1 Januari 2020 sehingga bulan September 2022
(**)– Diskaun 50% sewa oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh Jun - September 2021 disebabkan oleh Pandemik Covid-19

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan dalam mengemaskinikan maklumat kenaikan kadar dalam Sistem Bersepadu Majlis seperti yang ditetapkan dalam Surat Kenaikan Kadar Sewa Bulanan Gerai.

4.1.7. Berdasarkan semakan terhadap prosedur kerja Myportfolio Jabatan Teknologi Maklumat MPT, kelemahan kawalan dalaman MPT disebabkan **tiada proses kerja disediakan berkaitan penyelenggaraan maklumat sewaan dalam SBM.** Selain itu, didapati hanya seorang pegawai dibenarkan untuk membuat pindaan maklumat dan kadar sewaan menyebabkan wujud risiko bergantung sepenuhnya kepada pegawai tersebut.

4.1.8. Kesan daripada kadar sewa bulanan gerai yang tidak dinaikkan menyebabkan **hasil sewaan bangunan perniagaan MPT telah terkurang kutip berjumlah RM12,400.**

**Maklum Balas MPT pada 20 Mac 2023 dan 8 September 2023**

MPT telah membuat semakan dan mendapati SBM telah lama atau usang. Bagi mengubah sebarang maklumat atau data dalam SBM hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Sistem Maklumat sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan Pegawai Sistem Maklumat telah mendapat cuti sakit akibat barah bermula pada 29 Disember 2020 hingga 7 Januari 2022. MPT telah mengeluarkan surat tuntutan perbezaan sewaan kepada dua penyewa tersebut pada bulan Januari 2023 dan tindakan penyelarasan maklumat kenaikan kadar sewa bulanan ke dalam SBM juga telah dilakukan pada 9 Januari 2023. Tindakan lain yang telah diambil oleh MPT berkaitan dengan penemuan Audit ini adalah seperti berikut:

- penyewa bernombor akaun SW1200001116 telah menandatangani aku janji pada 6 Mac 2023 untuk membayar secara ansuran bermula pada Mac 2023 hingga Februari 2025.
- penyewa bernombor akaun SW1200000101 telah mengemukakan surat persetujuan pembayaran secara ansuran atas kenaikan kadar sewaan tersebut.
- membangunkan sistem baharu iaitu MyMPT antaranya untuk menyelenggarakan maklumat sewaan baharu atau kenaikan kadar sewaan. Pembantu Penilaian akan mengisi data dalam sistem dan disemak oleh Ketua Bahagian Sewaan. Selepas maklumat disemak, Pengarah JPPH MPT akan meluluskan maklumat tersebut dalam sistem.
- semakan dan pemantauan yang lebih efektif daripada Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan akan dijalankan sekurang-kurangnya dua kali sebulan bagi memastikan tiada tambahan atau pengubahsuaian premis tanpa kelulusan, kebersihan gerai dan kad kawalan pengendalian makanan penyewa premis.

| **Pernyataan Audit** | **Kelemahan sistem/prosedur kerja menyebabkan MPT kerugian hasil berjumlah RM12,400.** |
|---|---|

## 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit dapat dirumuskan bahawa masih terdapat kelemahan dalam aspek kutipan hasil sewaan MPT. Kelemahan ini menyebabkan kutipan sewa terkurang kutip berjumlah RM12,400.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan MPT mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.1. mewujudkan proses kerja di Jabatan Teknologi Maklumat berkaitan penyelenggaraan maklumat sewaan dalam SBM;

6.2. memastikan peraturan, arahan, proses kerja, perjanjian sewaan dan surat kenaikan kadar sewaan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi; dan

6.3. menambah bilangan pegawai MPT yang dibenarkan untuk menguruskan maklumat dan kadar sewaan dalam SBM.

# BAHAGIAN V

## Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang

# BAHAGIAN V

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG

### 1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh 1 September 2022 hingga 30 Ogos 2023, sebanyak tiga LKAN bagi Negeri Pahang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**BAGI NEGERI PAHANG DI DEWAN NEGERI PAHANG**
**BAGI TEMPOH 1 SEPTEMBER 2022 HINGGA 30 OGOS 2023**

| BIL. | LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA | TARIKH PENBENTANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 Siri 1 | 13 Oktober 2022 |
| 2. | Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2021 | 12 Mei 2023 |
| 3. | Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2021 Siri 2 | |

Sumber: Jabatan Audit Negara

### 2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Sehingga penggal akhir Dewan Negeri Pahang Ke-14, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 Siri 2 dan isu Audit pematuhan yang dilaporkan dalam LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi serta Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020.

2.2. Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15 yang baharu telah dilantik pada 12 Mei 2023 semasa Mesyuarat Pertama

Penggal Ke-2, Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sehubungan dengan itu, satu taklimat telah dberikan kepada ahli Jawatankuasa oleh Pengarah Audit Negeri Pahang mengenai Peranan dan Tanggungjawab Jabatan Audit Negara. Taklimat yang telah diadakan pada 10 Julai 2023 tersebut turut menerangkan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Peraturan 68) sebagaimana yang termaktub dalam Buku Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

2.3. Jawatankuasa yang hadir telah menyatakan komitmen untuk memastikan ketua jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor Audit yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Jawatankuasa ini juga bersetuju supaya isu Audit yang telah dibangkitkan dalam LKAN hendaklah dijadikan sebagai pengajaran (lesson learnt) dan penanda aras (benchmarking) oleh semua jabatan/agensi negeri yang akan melaksanakan program/projek yang sama.

2.4. Seterusnya, Jawatankuasa ini berharap kerjasama yang erat dengan Jabatan Audit Negara dalam membincangkan isu LKAN yang telah dibentangkan akan menyumbang kepada peningkatan dan kecekapan tadbir urus awam di Negeri Pahang.

# PENUTUP

# PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2022 telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berada di tahap kukuh. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM750.55 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kerajaan Negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan pemantauan urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.

e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara**
**Malaysia**

**Putrajaya**
**12 September 2023**

# LAMPIRAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**KERAJAAN NEGERI PAHANG**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Pahang dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 17 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under Cash Basis of Accounting).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pahang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pahang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

2 / 4

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pahang;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pahang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal(1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 OGOS 2023

## PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN AKAUNTAN NEGERI PAHANG

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *'International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting'*; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pahang.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2022.

**DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR**
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.
Pegawai Kewangan Negeri Pahang

03 Mei 2023

**DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN** C.A.(M)
Akauntan Negeri Pahang

3 Mei 2023

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## pada 31 Disember 2022

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| ***WANG AWAM:*** | | | |
| WANG TUNAI | 3 | 338,358,747.97 | 288,756,043.95 |
| PELABURAN | 4 | 412,196,987.22 | 352,196,987.22 |
| | | **750,555,735.19** | **640,953,031.17** |
| ***DIPEGANG BAGI:*** | | | |
| ***KUMPULAN WANG DISATUKAN*** | | | |
| AKAUN HASIL DISATUKAN | 5 | 263,611,112.82 | 170,811,954.99 |
| AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 6 | 0.00 | 0.00 |
| AKAUN AMANAH DISATUKAN | 7 | 486,944,622.37 | 470,141,076.18 |
| | | **750,555,735.19** | **640,953,031.17** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

## PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
## bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

| | *Nota* | 2022<br>RM | RM | 2021<br>RM | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **TERIMAAN:** | | | | | |
| **Hasil** | *5* | | | | |
| Hasil Cukai | | 469,219,997.28 | | 422,075,338.63 | |
| Hasil Bukan Cukai | | 547,146,731.88 | | 265,441,234.59 | |
| Terimaan Bukan Hasil | | 271,660,895.57 | 1,288,027,624.73 | 178,479,425.19 | 865,995,998.41 |
| **Pinjaman** | *6* | | | | |
| Dalam Negeri | | 90,260,600.41 | | 77,440,727.65 | |
| Luar Negeri | | 0.00 | 90,260,600.41 | 0.00 | 77,440,727.65 |
| **Terimaan Modal** | *7* | | | | |
| Terimaan Balik Pinjaman | | 0.00 | | 0.00 | |
| Jualan Aset Modal | | 654,635.99 | | 820,418.71 | |
| Pelbagai Terimaan Modal | | 30,677,189.76 | | 44,275,344.97 | |
| Terimaan KWBA | | 16,582,398.99 | | 0.00 | |
| Jualan Instrumen Kewangan | | 240,000,000.00 | 287,914,224.74 | 200,000,000.00 | 245,095,763.68 |
| **Terimaan Lain** | | | | | |
| Terimaan Amanah | | 879,606,263.49 | 879,606,263.49 | 1,118,666,181.21 | 1,118,666,181.21 |
| **Jumlah Terimaan** | | | **2,545,808,713.37** | | **2,307,198,670.95** |
| **BAYARAN:** | | | | | |
| **Perbelanjaan Mengurus** | *5* | | | | |
| Emolumen | | 355,644,852.27 | | 329,984,998.27 | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | 197,861,441.24 | | 149,503,107.32 | |
| Aset | | 21,859,750.11 | | 15,050,791.64 | |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 416,617,909.15 | | 278,293,723.07 | |
| Perbelanjaan Lain | | 9,034,855.48 | 1,001,018,808.25 | 7,131,337.07 | 779,963,957.37 |
| **Perbelanjaan Pembangunan** | *7* | | | | |
| Langsung | | 118,274,397.47 | | 76,747,486.74 | |
| Pinjaman | | 69,093,374.94 | 187,367,772.41 | 25,890,129.60 | 102,637,616.34 |
| **Perbelanjaan Modal** | | | | | |
| Pembelian Instrumen Kewangan | *4* | 300,000,000.00 | 300,000,000.00 | 240,000,000.00 | 240,000,000.00 |
| **Bayaran Balik Pinjaman** | | | | | |
| Dalam Negeri | | 48,057,468.65 | | 48,519,321.31 | |
| Luar Negeri | | 0.00 | | 0.00 | |
| Pengeluaran Pinjaman Kepada Agensi | | 0.00 | 48,057,468.65 | 0.00 | 48,519,321.31 |
| **Bayaran Lain** | | | | | |
| Akaun Amanah | | 959,761,960.04 | 959,761,960.04 | 1,077,122,493.67 | 1,077,122,493.67 |
| **Jumlah Bayaran** | | | **2,496,206,009.35** | | **2,248,243,388.69** |
| Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai | | | 49,602,704.02 | | 58,955,282.26 |
| Wang Tunai Pada 1 Januari | | | 288,756,043.95 | | 229,800,761.69 |
| **WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER** | | | **338,358,747.97** | | **288,756,043.95** |

*Nota:*

*(i) Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.*

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

| | Nota | 2022 Anggaran RM | 2022 Sebenar RM | 2021 Sebenar RM |
|---|---|---|---|---|
| Hasil | 5 | 1,036,820,000.00 | 1,288,027,624.73 | 865,995,998.41 |
| Tolak: | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | 5 | (1,099,715,515.86) | (1,049,076,276.90) | (828,483,278.68) |
| **Lebihan/(Kurangan) Hasil** | | **(62,895,515.86)** | **238,951,347.83** | **37,512,719.73** |
| Tolak: | | | | |
| Perbelanjaan Pembangunan | 7 | (188,152,190.00) | (118,274,397.47) | (76,747,486.74) |
| Perbelanjaan Bekalan Air | 7 | (151,282,220.00) | (69,093,374.94) | (25,890,129.60) |
| **Lebihan/(Kurangan) Keseluruhan** | | **(402,329,925.86)** | **51,583,575.42** | **(65,124,896.61)** |
| **Lebihan/(Kurangan) Dibiayai Oleh:** | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | 6 | | 90,260,600.41 | 77,440,727.65 |
| Pelbagai Terimaan | 7 | | 47,914,224.74 | 45,095,763.68 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 3,4,7 | | (189,758,400.57) | (57,411,594.72) |
| **Jumlah Pembiayaan** | | | **(51,583,575.42)** | **65,124,896.61** |

*Nota:*
*(i) Perbelanjaan Mengurus termasuk bayaran balik Pinjaman Dalam Negeri.*
*(ii) Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.*

## PENYATA AKAUN MEMORANDUM
## pada 31 Disember 2022

| | *Nota* | *2022 RM* | *2021 RM* |
|---|---|---|---|
| **Memorandum Aset** | *8* | | |
| Pinjaman Boleh Dituntut | *8a* | 184,945,441.24 | 196,285,236.03 |
| Pelaburan | *8b* | 846,462,162.25 | 846,462,162.25 |
| **Memorandum Liabiliti** | *9* | | |
| Hutang Awam | | 908,999,251.97 | 3,108,254,944.41 |
| Pelbagai Liabiliti | | 175,649,990.48 | 275,649,986.48 |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.*

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

**1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri Pahang.

(b) Perakaunan Kerajaan Negeri Pahang adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam dan seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu Kumpulan Wang.

ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 43 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

(c) Kerajaan Negeri Pahang mengamal asas perakaunan tunai ubah suai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diperakaunkan mengikut asas tunai dengan pengubahsuaian seperti berikut:

i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.

ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri Pahang pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diperakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

iii) Memperakaunkan urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

(d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua pejabat dan jabatan Kerajaan Negeri Pahang.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

(e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

